**“SURAH YASIN : KAJIAN PERBANDINGAN ANTARA QIRA’AT NAFI DAN QIRA’AT ASIM RIWAYAT HAFS ”**

**MURSHIDI ABD HAMID**

**ACADEMY OF ISLAMIC STUDIES**
**UNIVERSITY OF MALAYA**
**KUALA LUMPUR**

**2010**

University of Malaya

# “SURAH YASIN : KAJIAN PERBANDINGAN ANTARA QIRA’AT NAFI DAN QIRA’AT ASIM RIWAYAT HAFS ”

**MURSHIDI ABD HAMID**

**DISSERTATION SUBMITTED IN FULFILMENT OF THE REQUIREMENTS FOR THE DEGREE OF MASTER OF USULUDDIN**

**ACADEMY OF ISLAMIC STUDIES**
**UNIVERSITY OF MALAYA**
**KUALA LUMPUR**

**2010**

University of Malaya

# ABSTRAK

Ilmu Qira’at muncul bersama-sama dengan turunnya al-Qur’an, tetapi banyak di antara kita yang tidak mengetahui ilmu ini. Hakikatnya ilmu ini berkait rapat dengan mengistinbatkan sesuatu hukum, sekaligus membayangkan qira’at sebagai suatu ilmu yang amat penting. Tujuan utama bidang qira’at ini diperkenalkan kepada umum adalah untuk mendedahkan kepada masyarakat mengenai kepentingan qira’at sebagai sumber paling berautoriti di dalam Islam, selari dengan al-Qur’an. Fokus utama kajian ini adalah perbandingan antara dua qira’at, iaitu Qira’at Nāfi‘ dan Qira’at ‘Āṣim Riwayat Ḥafṣ terhadap Surah Yasin. Kajian ini bertujuan untuk memperkenalkan Qira’at Nāfi‘ dan Ḥafṣ serta mengetahui secara lebih mendalam mengenai qira’at-qira’at tersebut. Oleh itu, penulis memilih Surah Yasin sebagai sampel kajian kerana ia diamalkan oleh kebanyakan masjid di Malaysia pada setiap malam Jumaat. Data utama diperolehi ialah menerusi perbandingan persamaan dan perbezaan bacaan antara Imam Nāfi‘ dan Hāfs. Selain itu, data turut diperolehi dengan menyenaraikan kalimah-kalimah di dalam Surah Yāsīn yang diperselisihkan di antara mereka. Dapatan kajian diperolehi secara terperinci mengenai biodata Imam Nāfi‘ dan Ḥafṣ, keturunan mereka, asal usul, tarikh kelahiran dan kewafatan berserta metodologi bacaan mereka masing-masing secara mendalam. Metodologi bacaan mereka dianalisis bermula dengan kaedah *Uṣūl* dan *Farsh Ḥurūf*. Apabila kedua-dua kaedah ini dapat dikuasai dengan baik, maka perbahasan mengenai tajuk ini dapat difahami dengan mudah. Dalam melaksanakan kajian ini, beberapa metod telah diguna pakai, antaranya ialah kajian terhadap kitab-kitab yang muktabar berkaitan dengan kajian ini. Di samping itu, jurnal-jurnal dan kajian-kajian ilmiah juga dirujuk dalam menyiapkan kajian ini. Tidak ketinggalan juga, metod temuramah digunakan untuk mengenalpasti masalah yang wujud yang berkaitan dengan pengucapan sesuatu kalimah. Kajian ini mencadangkan agar pihak yang berkenaan dapat memastikan kelangsungan ilmu qira’at dalam arus pendidikan negara, di samping mengambil langkah-langkah wajar bagi memperkasa dan memantapkannya dalam menghadapi arus kemodenan ilmu siber. Cabaran utama ilmu ini ialah sejauh mana kesungguhan kerajaan dalam mempopularkan bidang ini di seluruh negara. Kajian turut mencadangkan agar ilmu qira’at dapat dijadikan sebagai subjek teras dalam sistem pendidikan negara.

University of Malaya

## ABSTRACT


Knowledge on Qira'at appeared when the al-Qur'an was revealed but many among us do not have this particular knowledge. In reality, this knowledge is closely associated with penalties and this reflects the significance of Qira'at. The main intention to introduce this subject of Qira'at is to expose to the public the importance of Qira'at as a source of knowledge with authenticity in Islam in tandem with the al-Qur'an. The main focus in this study is a comparison between two Qira'at for surah Yasin. This study is intended to introduce Qira'at Nāfi' and Ḥafṣ and to gather more details on the respective Qira'at. The writer has chosen surah Yasin as a sample since it is widely read by the believers and most mosques schedule the reading of this surah on Thursday evenings. The main data is obtained through a comparison of similarities and differences in reading between Imam Nāfi' and Ḥāfṣ. Beyond that, data is also obtained by listing the words in the surah Yasin which have been in dispute among the scholars. As a result of the detailed studies on Imam Nāfi' and Ḥafṣ, their fore-fathers, relatives, descendents, date of birth and death besides their detail methodology of studies. Their methodology of studies are analysed beginning with the *Uṣūl* and *Farsh Ḥuruf*. Once both areas are well comprehended , the debates on those topics will be simply understood. In undertaking this study, various methods have been used, including reference to recognized books on this topic. Besides those, the writer has made reference to journals and academic studies which have been produced in order to complete this study. Not forgetting, interviews were held to identify the problems relating to the pronounciation of each word (kalimah). This study recommends to the relevant authority to ensure the inclusion of this knowledge on Qira'at in the national syllabus besides taking relevant actions to enhance the knowledge in facing the modern cyber knowledge. The main challenge in propagating this knowledge is how serious is the government to propagating this knowledge is how to serious is the government to popularize it to the whole nation. This study also recommends that knowledge on Qira'at to be made as a thrust subject to the national education system.


University of Malaya

**PENGHARGAAN**

Alhamdulillah, dengan kesihatan tubuh badan dan kelapangan masa yang diberikan oleh Allah, penulis dapat menyiapkan disertasi ini sebagaimana dirancang. Penghargaan jutaan terima kasih yang tidak terhingga penulis tujukan kepada semua pihak dan individu yang terlibat secara langsung atau tidak langsung di dalam membantu penulis menyiapkan penyelidikan ini. Mereka ialah :

a. Profesor Madya Dr. Abd Rashid bin Ahmad, pensyarah dan penyelia penulis.
b. Semua pensyarah dan pengajar di Jabatan al-Qur'an dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya sesi 2006/2007 dan 2007/2008.
c. Puan Rukiah binti Kombol, staf sokongan di pejabat Jabatan al-Qur'an dan al-Hadith, kakitangan Bahagian Ijazah Tinggi, Akademi Pengajian Islam dan kakitangan Institut Pengajian Siswazah (IPS).
d. Ayahanda Dato' Haji Nik Farid bin Mohd Kamil dan bonda Datin Hajjah Habibah binti Yahaya yang banyak memberi semangat dan juga dorongan.
e. Para pensyarah Darul Quran JAKIM, terutama Ustaz Haji Nazri bin Abdullah, guru qira'at penulis.
f. Seluruh warga kakitangan Masjid Saidina Abu Bakar As-Siddiq, Bangsar.
g. Ibu tercinta, Azizah binti Hj. Nordin yang tidak putus-putus mendoakan kejayaan penulis serta semua saudara-mara penulis yang banyak membantu.
h. Penghargaan dan ingatan teristimewa untuk isteri tersayang, Puan Nazaria Ulfa binti Mohd Nor kerana memberi sokongan dan juga dorongan yang tidak berbelah bahagi sama ada semasa senang ataupun susah. Juga buat anak tersayang, Ahmad Baihaqi, mudah-mudahan dapat mengikuti jejak langkah 'baba'.



University of Malaya

i. Sahabat-sahabat yang banyak memberi bahan kajian terutamanya Ustaz Abu Qatadah bin Rosdi, Ustaz Wan Husaimi bin Wan Amran dan ramai lagi.

Penulis hanya mampu mendoakan semoga Allah S.W.T. mengurniakan ganjaran yang setimpal di atas pengorbanan dan jasa anda semua.

MURSHIDI B ABD HAMID
Jabatan al-Quran dan al-Hadith
Akademi Pengajian Islam
Universiti Malaya
Kuala Lumpur

Masjid Usamah Bin Zaid
No 8, Jln 2/27 A
Wangsa Maju
53300 Kuala Lumpur

5 Jamadil Awwal 1431 H
21 April 2010 M

University of Malaya

## PANDUAN TRANSLITERASI

### Konsonan

| Huruf Arab | Transliterasi |
|---|---|
| ا, ء | a, ‘ |
| ب | B |
| ت | T |
| ث | Th |
| ج | J |
| ح | Ḥ |
| خ | Kh |
| د | D |
| ذ | Dh |
| ر | R |
| ز | Z |
| س | S |
| ش | Sh |
| ص | Ṣ |
| ض | Ḍ |
| ط | Ṭ |
| ظ | Ẓ |
| ع | ` |
| غ | Gh |
| ف | F |
| ق | Q |
| ك | K |
| ل | L |
| م | M |
| ن | N |
| ه | H |
| و | W |
| ي | Y |
| ة | H |

University of Malaya

## Vokal

| Vokal Pendek | Transliterasi |
| --- | --- |
| _ (*fatḥah*) | A |
| _ (*kasrah*) | I |
| _ (*ḍammah*) | U |

| Vokal Panjang | Transliterasi |
| --- | --- |
| ا ى | Ā |
| ي | Ī |
| و | Ū |

| Diftong | Transliterasi |
| --- | --- |
| و _ | Aw |
| ي _ | Ay |
| و _ | Uww |
| ي _ | iy / i |

University of Malaya

## SENARAI KEPENDEKAN

| | | |
|---|---|---|
| s.w.t. | - | *Subḥanahu wa Ta‘āla* |
| s.a.w. | - | *Sallallahu ‘Alaihi Wasallam* |
| a.s. | - | *‘Alaihi al-Salam* |
| Dr. | - | Doktor |
| Prof. | - | Profesor |
| m/s | - | Muka surat |
| *Ibid.* | - | *Ibidem*, Rujukan sama dengan sebelumnya |
| *Op.Cit.* | - | *Opera Citato*, (Rujukan yang sama tetapi telah diselangi oleh rujukan lain) |
| M | - | Masihi |
| H | - | Hijrah |
| t.t | - | Tanpa tarikh |
| t.t.p. | - | Tanpa tempat percetakan |
| hlm. | - | Halaman |
| r.a. | - | *Raḍiyallah ‘anhu‘anha* |
| Jab. | - | Jabatan |
| Ctkn | - | Cetakan |
| KL | - | Kuala Lumpur |
| UM | - | Universiti Malaya |
| Jld. | - | Jilid |
| Juz. | - | Juzuk |
| No. | - | Nombor |
| Ed. | - | Edisi |

Sumber : Buku Panduan Penulisan Tesis/Disertasi Ijazah Tinggi (2007), Akademi Pengajian Islam. Universiti Malaya.

University of Malaya

## ISI KANDUNGAN

| | Halaman |
|---|---|
| Halaman Hadapan | |
| Halaman Judul | |
| Abstrak | i |
| Abstract | ii |
| Penghargaan | iii |
| Panduan Transliterasi | v |
| Senarai Kependekan | vii |
| Isi Kandungan | viii |

**BAB I**

**PENDAHULUAN**

| | |
|---|---|
| 1. Latar Belakang Kajian | 1 |
| 2. Latar Belakang Masalah | 4 |
| 3. Pengertian Tajuk | 5 |
| 4. Pernyataan Masalah | 7 |
| 5. Objektif Kajian | 7 |
| 6. Kepentingan Kajian | 8 |
| 7. Skop Kajian | 9 |
| 8. Ulasan Kajian Lepas | 9 |
| 9. Metodologi Kajian | 13 |


University of Malaya

## BAB II

## PERBICANGAAN MENGENAI ILMU BACAAN AL-QUR’AN


2.1 Pendahuluan 17

2.2 Bentuk-Bentuk Bacaan al-Qur’an 20

2.3 Ilmu Qira’at 22

2.4 Sejarah Perkembangan Ilmu Qira’at 25

2.5 Pengertian Huruf *Sab‘ah* 29

2.6 Jenis-Jenis Qira’at 34

2.7 Rukun Qira’at 37

2.8 Hikmah Diturunkan Al-Qur’an Dengan Tujuh Huruf 38

2.9 Kesimpulan 41


## BAB III

## PENGENALAN IMAM NĀFI’ DAN ‘ĀṢĪM BERSERTA MANHAJ


3.1 Pendahuluan 42

3.2 Biodata Imam Nāfi‘ 43

3.3 Biodata Imam Qālūn 44

3.3.1 Manhaj Imam Qālūn 46

3.4 Biodata Imam Warsh 65

3.4.1 Manhaj Imam Warsh 66

3.5 Sanad Qira’at Nāfi' 73

3.6 Biodata Imam ‘Āṣim 75


University of Malaya

3.6.1 Biodata Imam Ḥafṣ 76

3.6.2 Biodata Imam Syu'bah 76

3.7 Manhaj Imam 'Aṣīm Riwayat Ḥafṣ Dan Syu'bah 77

3.8 Kesimpulan 79

**BAB IV**

**ANALISIS PERBANDINGAN QIRA'AT NĀFI' DAN QIRA'AT 'ĀṢIM RIWAYAT ḤAFṢ**

4.1 Pendahuluan 80

4.2 Analisis Perbandingan Qira'at Nāfi' Dan Ḥafṣ 80

4.2.1 Ayat 1-12 80

4.2.2 Perbandingan *Farsh Ḥuruf* 81

4.2.3 Perbandingan *Uṣūl* 82

4.2.4 *Wujuh Khilaf* Perbandingan *Uṣūl* 83

4.3 Ayat 13-27 84

4.3.1 Perbandingan *Farsh Ḥuruf* 84

4.3.2 Perbandingan *Uṣūl* 86

4.3.3 *Wujuh Khilaf* Perbandingan *Uṣūl* 87

4.4 Ayat 28-40 87

4.4.1 Perbandingan *Farsh Ḥuruf* 88

4.4.2 Perbandingan *Uṣūl* 89

4.4.3 *Wujuh Khilaf* Perbandingan *Uṣūl* 89



University of Malaya

4.5 Ayat 41-54 90

4.5.1 Perbandingan *Farsh Ḥuruf* 90

4.5.2 Perbandingan *Uṣūl* 92

4.5.3 *Wujuh Khilaf* Perbandingan *Uṣūl* 93

4.6 Ayat 55-70 93

4.6.1 Perbandingan *Farsh Ḥuruf* 94

4.6.2 Perbandingan *Uṣūl* 96

4.6.3 *Wujuh Khilaf* Perbandingan *Uṣūl* 96

4.7 Ayat 71-83 97

4.7.1 Perbandingan *Farsh Ḥuruf* 97

4.7.2 Perbandingan *Uṣūl* 98

4.7.3 *Wujuh Khilaf* Perbandingan *Uṣūl* 99

4.8 Kesimpulan 100

**BAB V**

**PENUTUP**

5.1 Rumusan Kajian 102

5.2 Cadangan Kajian Masa Depan 104

**BIBLIOGRAFI**

**LAMPIRAN**

University of Malaya

# BAB I

# PENDAHULUAN

## 1. Latar Belakang Kajian

Al-Qur‟an yang diturunkan Allah kepada umat manusia melalui perantaraan Malaikat Jibril sejak 1500 tahun dahulu tetap kekal tanpa ada sebarang perubahan atau pindaan seperti yang diterima oleh junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W. Al-Qur‟an merupakan kitab petunjuk dan pemandu kepada umat manusia di dalam melaksanakan kewajipan mereka mengurus dan mentadbir bumi ini. Di dalamnya terkandung hukum-hukum serta panduan-panduan yang membawa ke arah kesejahteraan.

Al-Qur‟an sebagai mukjizat yang unggul bukan sekadar kitab yang menjadi panduan kehidupan manusia, malah membacanya sahaja sudah dikira sebagai satu ibadah. Saban tahun kita dapat melihat program-program seperti majlis tilawah al-Qur‟an di adakan sama ada oleh pihak kerajaan atau bukan kerajaan. Fenomena ini  adalah baik kerana secara tidak langsung ia dapat  menyebarkan syiar Islam.

Dalam bacaan al-Qur‟an terdapat satu istilah yang di namakan ilmu qiraat dan masih ramai lagi yang belum mengetahuinya. Ilmu qira‟at juga dianggap asing oleh masyarakat Malaysia kerana ia kurang diketengahkan. Sebenarnya ianya bukanlah sesuatu yang asing kerana

University of Malaya

apa yang yang dibaca sekarang juga di namakan qira‟at. Qira‟at merupakan mazhab bacaan al-Qur‟an para imam dan ianya mempunyai sandaran kepada Nabi Muhammad S.A.W.

Tujuan utamanya ialah untuk memelihara kesucian al-Qur‟an daripada kesilapan ketika menyebut kalimah-kalimahnya dan mengetahui cara bacaan setiap *qurrā‟* serta dapat membezakan manhaj mereka. Ia juga merupakan suatu ilmu yang mempunyai kedudukan yang mulia kerana berkait rapat dengan kalam Allah. Hukum mempelajarinya menjadi fardu kifayah kerana jika ilmu ini diabaikan, akan berlaku kesukaran untuk mengistinbatkan sesuatu hukum syarak.

Begitupun, kita melihat perkembangan bacaan al-Qur‟an melalui majlis-majlis yang di adakan, bacaan al-Qur‟an umumnya dibaca dalam bentuk yang biasa diamalkan oleh umat Islam di Malaysia iaitu bacaan *Ḥafṣ*. Skop bacaan atau qira‟at seolah-olah disempitkan kepada satu qira‟at sahaja. Masyarakat tidak didedahkan kepada qira‟at-qira‟at lain yang ada. Umumnya masyarakat Islam di Malaysia tidak mengetahui atau tidak biasa mendengar al-Qur‟an dilagukan dalam qira‟at selain daripada *Riwayat Ḥafṣ*. Malah ada yang langsung tidak mengetahui bahawa al-Qur‟an boleh dibaca dengan pelbagai qira‟at.

Seharusnya ada satu usaha daripada pihak kerajaan dan bukan kerajaan untuk memperkenalkan contoh-contoh qira‟at yang boleh dibaca dengan mempersembahkannya di majlis-majlis rasmi atau melalui majlis-majlis tilawah al-Qur‟an. Pendedahan juga boleh dilakukan di peringkat sekolah atau institusi pengajian tinggi. Dengan cara ini, masyarakat Islam khususnya, dan masyarakat bukan Islam juga akan dapat menyelami keindahan al-Quran itu sendiri sebagai kitab suci umat Islam.



University of Malaya

Jika dilihat pula kepada bacaan Surah Yasin, kebanyakan daripada kita, khasnya rakyat Malaysia dan umumnya penduduk Asia, hanya mengetahui cara bacaan Yasin dengan satu cara ataupun kaedah, iaitu bacaan yang terdapat di dalam mashaf Uthmani. Tetapi jika diperhatikan dan diamati, sebenarnya al-Qur‟an diturunkan dengan tujuh cara bacaan. Ini berdasarkan daripada banyak hadith sahih menerangkan perkara ini. Surah Yasin juga terdapat pelbagai cara bacaannya.

Sebagai hati bagi al-Qur‟an, semestinya Yasin perlu diketahui secara teliti bacaannya terutama dari sudut tajwid mahu pun dari sudut qira‟at. Ini penting kerana bagi masyarakat Islam Malaysia boleh di katakan setiap masjid atau pun surau akan mengadakan bacaan Yasin pada setiap malam Jumaat. Justeru, penekanan terhadap Surah Yasin amat perlu diberi perhatian bagi mendapat ganjaran pahala yang dijanjikan oleh Allah S.W.T.

Di dalam ilmu qira‟at, terdapat tujuh imam atau *qurrā‟* yang mempunyai cara bacaan yang *mutawatir* bersandarkan kepada bacaan Nabi Muhammad S.A.W. Manakala setiap daripada mereka mempunyai dua orang murid atau lebih dikenali sebagai *rāwī*. Sehubungan dengan itu, penulis ingin mengetengahkan perbandingan bacaan antara Imam Nāfi„ dan Imam „Āṣim riwayat Ḥafṣ. Kedua-dua *qurrā‟* ini merupakan salah seorang daripada tujuh imam qira‟at yang masyhur.

## 2. Latar Belakang Masalah

Dewasa ini, minat masyarakat Islam terhadap segala yang berkaitan dengan al-Qur‟an amat besar sekali. Ini dapat dilihat dalam satu perkembangan yang amat pesat di pelbagai institusi dan pusat-pusat pengajian al-Qur‟an yang menyediakan pelbagai program, daripada kelas untuk anak-anak kecil sehingga kepada orang-orang dewasa, daripada kelas tilawah kepada kelas hafazan. Satu perkembangan yang menggalakkan juga apabila semakin ramai dalam kalangan masyarakat yang berminat untuk belajar dan membaca al-Qur‟an dengan qira‟at-qira‟at lain yang tidak lazim dibaca oleh masyarakat di Malaysia, iaitu riwayat *Ḥafṣ „an „Āṣim*, khususnya *Riwayat Warsh*.

Secara umumnya, kebanyakan masyarakat Islam di Malaysia hanya mengetahui bacaan al-Qur‟an dengan apa yang tertulis di dalam mashaf „Uthmani. Kebanyakan daripada kita hanya mengetahui sedikit sahaja apa yang di namakan dengan qira‟at. Untuk itu, kajian ini lebih menumpukan kepada bacaan qira‟at, terutamanya bacaan Imam Nāfi„ dan Imam „Āṣim riwayat Ḥafṣ.

Penulis memilih qira‟at Imam Nāfi„ sebagai perbandingan dengan Imam „Āṣim riwayat Ḥafṣ kerana mengikut urutan kemasyhuran masyarakat Malaysia, selepas Qira‟at Ḥafṣ ialah Qira‟at Nāfi„. Surah Yasin dipilih kerana ia merupakan surah yang diketahui oleh sebahagian besar masyarakat Malaysia dan diamalkan bacaannya setiap malam Jumaat.

University of Malaya

Samada kita sedar ataupun tidak, setiap qira‟at yang dibaca akan memberi kesan kepada makna. Begiu juga dengan Surah Yasin, beberapa kalimah yang dibaca dengan qira‟at juga akan memberi kesan. Tetapi kesannya tidak akan mengubah makna asal secara keseluruhan.

Banyak perbezaaan kalimah di antara ke dua-dua imam ini, justeru pebezaaan ini akan ditafsirkan mengikut hujah masing-masing. Oleh yang demikian, qira‟at mereka tidaklah menyalahi apa yang dibawa oleh Nabi Muhammad S.A.W. bahkan setiap daripada mereka mempunyai sanad yang *mutawatir* terus daripada Nabi Muhammad S.A.W.

Kesimpulannya, masyarakat Malaysia harus mengetahui sedikit sebanyak mengenai ilmu qira‟at kerana ilmu ini merupakan sebahagian daripada cabang ilmu-ilmu Islam dan menjadi tanggungjawab orang yang mengetahui menyampaikan kepada yang tidak mengetahui.

## 3. Pengertian Tajuk

Untuk mendapatkan gambaran yang jelas tentang permasalahan yang dibawa di dalam disertasi ini, penulis akan menghuraikan beberapa perkataan dalam tajuk kajian ini untuk mendapat gambaran dan pengertian yang sebenar. Tajuk kajian ini ialah "Surah Yasin : Kajian Perbandingan Antara Qira‟at Nāfi„ Dan Qira‟at „Āṣim Riwayat Ḥafṣ "

Perkataan qira‟at lebih merujuk kepada cara bacaan al-Qur‟an. Perkataan ini berasal daripada perkataan Arab. *Qirā'āt* ialah kata masdar daripada *qar'a* (قَرَأَ) atau jamak daripada

*qirā"ah*, (قِرَاءَة) iaitu satu ilmu tentang cara untuk menyebut kalimah-kalimah al-Qur"an beserta dengan kepelbagaian padanya dengan disandarkan kepada periwayatannya.[1]

Manakala Qira"at Nāfi„ bermaksud qira"at bacaan al-Qur"an yang disandarkan kepada mana-mana imam daripada imam-imam yang sepuluh. Bacaan-bacaan ini telah disepakati dari segi bentuk bacaannya oleh perawi yang meriwayatkan daripada imam-imam tersebut.[2] Qira"at Nāfi„ adalah salah satu daripada jenis qira"at *mutawatir* yang telah dibaca dan diriwayatkan daripada Rasulullah secara turun-temurun sehingga ke hari ini melalui syeikh atau guru yang mempunyai rangkaian sanad atau *ijazah* secara bersambung.

Nama imam ini ialah Nāfi" bin „Abd al-Rahmān bin Abī Nu„aym al-Laythi. Dua orang muridnya yang meriwayatkan qira"at ini ialah „Īsā bin Minā atau Minā" bin Wardān bin „Īsā bin „Abd al-Samad bin „Umar bin „Abd Allāh al-Madani yang lebih terkenal dengan gelaran „Qālūn" dan „Uthmān bin Sa„id bin „Abd Allāh bin „Amru bin Sulaymān bin Ibrāhim al-Miṣri yang terkenal dengan gelaran „Warsh." Beliau merupakan salah seorang *qurrā"* yang berasal dari Madinah.[3] Mengikut turutan para *qurrā" Sab„ah,* beliau merupakan *qurrā"* yang teratas dari segi kemasyhuran. Bacaannya popular di Afrika, Maghribi dan beberapa tempat di Timur Tengah.

Nama sebenar „Āṣim ialah Abū Bakar 'Āṣim bin Abdullah (Abi al-Najud) bin Bahdalah al-Asadī. Meninggal dunia pada tahun 127 Hijrah. Perkataan *Ḥafṣ* merujuk kepada *rāwī* kepada

---

[1] Dr. Muhammad Sālim Muhaysin (1998), *al- Qirā'āt wa Atharuha fī 'Ulūm al-'Arabiyyah*, j.1, c. 1. Beirut: Dar al-Jil, h. 16.

[2] Dr. Ahmad Khālid Syukrī (1996)*, Qirā'āt al-Imām Nāfi„ min Riwayatay Qālūn wa Warsh*. Amman: Dar al-Furqan, h. 17

[3] Abī „Abd Allāh Muhammad Ibn Sharīh al-Ru"ainī al-Andalūsī (2000), *al-Kāfi fī al-Qirā'āṭ al-Sab"*, c. 1. Beirut: Dar al-Kutub al-„Ilmiyyah, h. 17.



University of Malaya

Imam „Āṣim. Bacaannya menjadi ikutan di seluruh dunia, dan bacaannya juga adalah seperti mana yang tertulis di dalam Mashaf „Uthmani.[4] Kedua-dua imam ini akan diperkenalkan secara terperinci di dalam bab tiga.

## 4. Pernyataan Masalah

Dalam membincangkan tajuk ini semestinya terdapat beberapa masalah kajian. Di bawah ini penulis menyenaraikan masalah yang timbul daripada tajuk ini :

1. Siapakah Imam Nāfi‟‟, Imam Warsh, Imam Ḥafṣ dan Imam Qālūn, serta bagaimanakah cara bacaan qira‟‟at mereka?
2. Sejauhkan manakah persamaan dan perbezaan qira‟‟at imam Nāfi‟‟ dan Ḥafṣ di dalam Surah Yasin?
3. Apakah kalimah-kalimah yang mereka perselisihkan di dalam Surah Yasin?

## 5. Objektif Kajian

Objektif terhadap kajian ini adalah untuk melihat sejauh mana perbezaan dari aspek bacaan antara Imam Nāfi‟‟ dan Imam „Āṣim riwayat Ḥafṣ. Ia bolehlah disenaraikan sebagaimana berikut:

4 *Ibid*

1. Memperkenalkan Qira‟‟at Nāfi„„dan Ḥafṣ dan mengetahui secara lebih mendalam mengenai qira‟‟at mereka.
2. Mengetahui persamaan dan perbezaan qira‟‟at imam Nāfi„„ dan Ḥafṣ.
3. Menyenaraikan kalimah-kalimah di dalam Surah Yasin yang diperselisihkan oleh mereka.

## 6. Kepentingan Kajian

Memandangkan ilmu qira‟‟at kurang popular dalam kalangan mayarakat Malaysia dan jarang diperkatakan terutama golongan yang tidak menceburi bidang agama, khususnya bidang tafsir al-Qur‟‟an dan kurang mendapat perhatian yang serius dalam kalangan penyelidik-penyelidik tempatan, penulis mengambil inisiatif untuk mengenengahkan dan menyebarluaskan ilmu yang tidak kurang pentingnya ini supaya topik ini tidak terus di pinggirkan daripada ilmu-ilmu yang lain. Penulis berpendapat bahawa kajian ini penting untuk di ketengahkan kerana :

i. Hasil penyelidikan yang di perolehi boleh membantu dan memberi maklumat terhadap ilmu qira‟‟at.
ii. Ia penting kerana kajian ini dapat memberi pengetahuan baru kepada pembaca memandangkan sumber maklumat tentang kajian ini agak terhad.
iii. Ia perlu kerana rata-rata masyarakat Islam hari ini semakin hari semakin jauh dengan Al-Qur‟‟an. Mereka lebih gemar membaca majalah-majalah hiburan dan hanyut dalam arus perdana sehingga langsung tidak mengetahui wujudnya ilmu yang di namakan

Ilmu Qira‟at. Hasil daripada kajian ini, penulis mengharapkan masyarakat agar terbuka minda dengan peranan ilmu qira‟at dan mendekatkan diri dengan Al-Qur‟an.

iv. Dengan adanya kajian ini, sekurang-kurangnya pembaca dapat membezakan bacaan yang sedia ada, iaitu yang tertulis di dalam Mashaf „Uthmani.

v. Salah satu usaha mengajak masyarakat bersama-sama memelihara Al-Qur‟an agar terus dibaca setiap masa dan waktu serta berusaha untuk men*tadabbur*.

## 7. Skop Kajian

Skop kajian yang akan dilaksanakan oleh penulis ialah tumpuan terhadap perbandingan Qira‟at Nāfi„ dan Qira‟at „Āṣim Riwayat Ḥafṣ terhadap Surah Yasin. Juga di ketengahkan hubungkait antara Al-Qur‟an dan Qira‟at, tetapi tidak dijadikan bahan kajian. Ia hanya sekadar maklumat asas.

## 8. Ulasan Kajian Lepas

Melalui hasil kajian dan pembacaan yang telah dibuat, penulis mendapati banyak kajian penyelidikan dan penulisan-penulisan yang berkaitan dengan kajian ini ialah kajian lapangan yang lebih bersifat mengkaji sesuatu institusi terhadap pembacaan qira‟at atau pun keberkesanannya. Terdapat juga beberapa kajian yang mempunyai hubungkait dengan tajuk yang dipilih oleh penulis dalam kajian *llibrary research*.

University of Malaya

Penulis telah menemui beberapa kajian ilmiah yang mirip mengkaji tentang tajuk yang hendak dikaji oleh penulis. Penulis juga merujuk kepada beberapa buku bahasa Melayu yang menyentuh berkenaan tajuk yang dikaji. Untuk mendapatkan rujukan yang berautoriti, penulis merujuk kepada kitab-kitab berbahasa Arab sebagai bahan utama kajian ini.

Tajuk yang dipilih oleh penulis lebih menjurus kepada kajian terhadap buku atau pun *library research*. Di bawah ini diterangkan secara ringkas sorotan kajian terhadap bahan yang mempunyai beberapa persamaaan dengan kajian penulis.

1. Emran bin Hj Dakar, *Al-Qira"at al-Quraniyyah Sebagai Satu Aspek Fornologi Bahasa Arab*. Kajian ini merupakan kajian di Fakulti Bahasa Dan Linguistik, Universiti Malaya, 1995. Kajian ini membincangkan tentang kepelbagaian sebutan Qira"at serta kesannya terhadap bahasa Arab daripada aspek fornologi. Berbeza dengan kajian penulis, penulis membuat perbezaan dengan membandingkan Qira"at.
2. Mohd Zubir bin Din, *Penurunan al-Qur"an Dalam Sab"ahAhruf* : *Satu Ulasan Menurut Pandangan Imam Al-Sytatibi*. Disertasi ini penulis memperkenalkan Imam Al-Syātibī sebagai pelopor kepada ilmu Qira"at beserta tujuh *qurrā'* yang lain. Juga disentuh makna *Sab"ahAhruf*, hikmah Qira"at diturunkan serta sedikit perbincangan mengenai penurunan Al-Qur"an dengan *Sab"ah Ahruf*. Antara sedikit persamaan dengan kajian yang penulis lakukan ialah perbahasan mengenai *Sab"ah Ahruf*.
3. Sabri bin Muhammad, *Peranan Qira"atSyādhah Di Dalam Penafsiran al-Qur"an : Satu Kajian Terhadap Surah al-Baqarah Ayat 1 Hingga 100*. Kajian sarjana daripada Universiti Kebangsaan Malaysia ini memfokuskan kajian terhadap peranan Qira"at *Syādhah* dalam penafsiran surah al-Baqarah ayat 1-100. Juga dibahaskan sedikit



University of Malaya

mengenai faedah-faedah Qira‟‟at *Syādhah*. Skop persamaan yang di temui dalam kajian penulis ialah kajian kami memfokuskan kepada beberapa jumlah ayat yang dikaji dan surah yang khusus.

4. Muhammad Hana Pizi, *Pengajian Al-Qirā'āt di Ma''hadTahfiz al-Qur''anMajlis Agama Islam Kelantan : Suatu Kajian Terhadap Riwayat Syu''bah„An „Āṣim*. Kajian sarjana ini mengkaji pengajian ilmu Qira‟‟at di Ma‟‟had Tahfiz al-Qur‟‟an Majlis Agama Islam di seluruh negeri Kelantan dan tumpuannya pada riwayat Syu‟‟bah „An „Āṣim sahaja. Kajian ini bersifat lapangan dan kajian penulis menjurus kepada kajian perpustakaan.
5. Mohd Nadzri Mohd Khir, *Qirā'āt Nāfi„ Riwayat Qālūn: Satu Kajian Fonetik*. Kajian ini merupakan kajian di Fakulti Bahasa Dan Linguistik, Universiti Malaya, 2006. Kajian ini ialah satu kajian terhadap cara sebutan di dalam qira‟‟at Nāfi„ riwayat Qālūn terhadap semua kalimah yang melibatkan cara bacaannya. Mohd Nadzri membahaskan hanya kepada satu riwayat sahaja bagi Imam Nāfi‟‟ iaitu riwayat Qālūn berbeza dengan kajian yang dilakukan oleh penulis dengan membawa ke dua-dua periwayat Imam Nāfi‟‟.
6. Zaharom Ridzwan, *Qirā'āt Ḥafṣ : Satu Kajian Fonetik*. Kajian daripada Fakulti Bahasa Dan Linguistik, Universiti Malaya, 2006. Kajian ini menyentuh mengenai cara sebutan Imam Ḥafṣ dalam al-Qur‟‟an beserta dengan manhajnya. Antara beberapa persamaan kecil yang dikaji ialah kami masing-masing menumpukan kepada Qira‟‟at „Āṣim riwayat Ḥafṣ sebagai bahan kajian.
7. Mohd Ala-Uddin Othman, *Qirā'āt Ibn Kathīr: Satu Kajian Dalam Juzuk „Amma* ; Kajian daripada Fakulti Bahasa Dan Linguistik, Universiti Malaya, 2006. Kajian ini merujuk kepada qira‟‟at Ibn Kathīr dalam bacaan juzuk ke-30 iaitu juzuk „Amma berserta dengan kelebihan surah-surah di dalam juzuk tersebut. Berbeza dengan penulis, penulis memilih skop Surah Yasin sebagai surah tumpuan.



University of Malaya

8. Makhtar Hj Musa, *Struktur Bunyi Bahasa al-Qur"ān Dan Kaedah Tilawahnya Mengikut Riwayat Ḥafs, Qālūn, Warsh Dan Dūrī*: Kajian daripada Fakulti Bahasa Dan Linguistik, Universiti Malaya, 1995. Kajian ilmiah ini menghimpunkan empat *qurrā"* beserta qira"at masing-masing. Penekanan diberikan kepada struktur bunyi bacaan mereka. Jika dilihat daripada perbandingan para riwayat qira"at, persamaan yang jelas pada kajian penulis ialah terhadap tiga *qurrā"* yang dikaji iaitu *Ḥafs, Qālūn* dan *Warsh*.
9. Adnan bin Mat Ali, *Sejarah Pertumbuhan Qirā'āt al-Qur"an*: Kajian daripada Fakulti Bahasa Dan Linguistik, Universiti Malaya, 2005. Kajian sarjana ini menekankan kepada pengertian al-Qur"an dan Qira"at serta hubung kait antara keduanya, pertumbuhan dan perkembangannya dan juga pengenalan kepada imam-imam *Qurrā"*. Berbeza dengan kajian penulis, penulis hanya menjadikan sejarah perkembangaan Qira"at hanya pada pecahan bab.
10. Ab. Rahman al-Qari Abdullah, *Bacaan al-Qur"ān Mengikut Qirā'āt Nāfi": Kajian Di Maahad Tahfiz al-Quran Pulai Chondong, Kelantan*: Kajian daripada Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2004. Kajian ilmiah ini bersifat kajian lapangan dan mengkaji keberkesanan qira"at Nāfi,, di Maahad Tahfiz al-Quran Pulai Chondong. Manakala penulis melakukan kajian bersifat perpustakaan terhadap qira"at Imam Nafi" dan tumpuan kepada surah Yasin.

## 9. Metodologi Kajian

Bahagian ini menjelaskan secara terperinci tentang kaedah dan prosedur yang digunakan oleh penulis dalam melaksanakan kajian ini. Justeru, pelbagai usaha dan kaedah digunakan untuk mendapatkan fakta. Penulis menggunakan beberapa langkah dan metod agar dapat menyiapkan kajian ini secara sistematik. Kajian yang dikaji oleh penulis dikategorikan sebagai kajian perpustakaan atau *library research.*

Oleh kerana kajian ini merupakan kajian perpustakaan, maka perpustakaan yang menjadi tumpuan dan tinjauan penulis untuk mendapatkan bahan-bahan tersebut ialah Perpustakaan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Awam Pusat Islam Kuala Lumpur, Perpustakaan Negara dan daripada koleksi buku-buku persendirian. Antara metod-metod yang akan digunakan oleh penulis di dalam kajian ini ialah:

i. Metod Penentuan Subjek
ii. Metod Pengumpulan Data
iii. Metod Penganalisisan Data

### i. Metod Penentuan Subjek

Melalui metod ini, penulis menentukan topik-topik yang berkaitan dengan kajian yang di lakukan. Ini penting bagi memudahkan penulis merangka struktur kajian dan pengumpulan data. Dalam penentuan subjek ini, penulis telah melihat dan meneliti beberapa kajian dan topik-topik



University of Malaya

yang berkaitan dengan tajuk penulis, iaitu dalam perbahasan Qira‟at dan Surah Yasin di dalam kitab-kitab hadith dan juga kajian-kajian ilmiah.

Penulis juga merujuk kepada pensyarah atau penyelidikan dan akhirnya penentuan subjek dapat ditentukan dengan memilih tajuk *Surah Yāsin : Kajian Perbandingan Antara Qirā'āt Nāfi" Dan Qirā'āt „Āṣim Riwayat Ḥafṣ*. Kajian ini mencakupi tentang Qira‟at Nāfi„ dan Qira‟at Ḥafṣ berserta kalimah-kalimah yang diperselisihkan di dalam Surah Yasin.

### ii. Metod Pengumpualan Data

Metod seterusnya yang diaplikasi di dalam kajian ini ialah dari sudut pengumpulan data. Data adalah maklumat atau info yang boleh di ambil daripada mana-mana sumber. Penulis akan mendapatkan sumber-sumber daripada bahan-bahan bercetak. Bahan-bahan bercetak tersebut di perolehi sama ada melalui dokumen, kajian-kajian terdahulu, buku-buku ilmiah, kerta-kertas kerja, kamus dan lain-lain lagi. Untuk membantu dalam pengumpulan data ini, penulis akan menggunakan beberapa metod untuk menyiapkan kajian ini iaitu :

#### a. Metod Dokumentasi

Metod dokumentasi merupakan satu cara pengumpulan data yang dikaji terhadap dokumen-dokumen yang mempunyai hubungan dengan skop kajian. Dokumen bermaksud sesuatu yang bertulis yang dapat memberikan keterangan. Antara dokumen-dokumen yang digunakan ialah kitab-kitab muktabar di dalam ilmu qiraat seperti *Ibrāz al Ma"āni* karangan Abū Shāmah, Kitab *Kashf Wujūh al-Qirā'āt al-Sab"* karangan Makkī Ibn Abū Ṭālib, Kitab *Tadzkirah*

*fī al-Qirā'āt* karangan Dr. „Abd al-Fattāḥ Bāhirī Ibrāhīm. Selain itu, penulis akan menggunakan jurnal-jurnal yang berkaitan dengan ilmu qira‟at serta buku-buku yang berautoriti dan berkaitan kajian-kajian yang lepas.

**b. Metod Historis Atau Sejarah**

Metod ini digunakan sebagai suatu penelitian dan penyelidikan terhadap sumber-sumber yang mengandungi elemen-elemen sejarah untuk digunakan sebagai bantuan memperolehi data-data yang berkaitan dengan bidang sejarah. Sebagai contohnya, fakta-fakta yang dihimpunkan adalah mengenai hubung kait antara al-Qur‟an dan qira‟at. Manakala elemem-elemen sejarah yang berkaitan dengan biografi imam-imam *qurrā‟* dirujuk melaui kitab *Tārikh Qurrā‟*.

**iii. Metod Penganalisisan Data**

Maklumat yang terkumpul akan dianalisis oleh penulis dengan menggunakan metod penganalisisan data yang berikut :

**a. Metod Induktif**

Metod Induktif ialah cara membuat kesimpulan daripada bukti-bukti yang bersifat khusus untuk mencari kesimpulan yang bersifat umum.[5] Biasanya metod ini digunakan untuk menganalisa tajuk dan dikembangkan melalui kajian yang di lakukan. Selain daripada itu, penulis menggunakan metod ini untuk menganalisis data bagi setiap maklumat yang di perolehi

[5] Imam Barnadib (1982), *Arti dan Metod Sejarah Pendidikan*. Yogyakarta: Yayasan FIK-IKIP, h. 52.



University of Malaya

melalui bahan-bahan bacaan seperti buku, artikel dan sebagainya. Contohnya penulis menganalisis *Matan Syātibī* dan membuat kesimpulan terhadap maksud yang diketengahkan.

### b. Metod Deduktif

Metod Deduktif ialah cara membuat kesimpulan daripada bukti-bukti yang bersifat umum untuk mencari kesimpulan yang bersifat khusus.[6] Pengaplikasian metod ini mengemukakan suatu pernyataan dan memberi bukti-bukti yang boleh di jadikan hujah dan panduan masalah yang dikaji.

### c. Metod Komparatif

Metod Komparatif ialah satu cara membuat kesimpulan dengan cara melakukan perbandingan terhadap segala fakta yang di perolehi. Penulis membandingkan data-data yang terkumpul untuk membuat kesimpulan yang meyeluruh.

[6] *Ibid*., h. 55.



University of Malaya

# BAB II

# PERBINCANGAN MENGENAI ILMU BACAAN AL-QUR'AN

## 2. Pendahuluan

Sebelum membincangkan mengenai bentuk bacaan atau qira‟at secara lebih mendalam, adalah baiknya jika dibincangkan terlebih dahulu mengenai pengertian al-Qur‟an sebagai subjek perbincangan dalam kajian ini. Antara keistimewaan al-Qur‟an berbanding dengan kitab-kitab samawi lain, ialah dari sudut bacaannya. Para ulama atau dengan nama yang lebih khusus, *al-qurrā‟,* telah mengariskan kaedah dan bentuk bacaan al-Qur‟an hasil daripada kajian, pemahaman dan periwayatan daripada imam-imam *al- qurrā‟* yang sampai kepada baginda S.A.W. mengenai seni bacaan al-Qur‟an dalam berbagai-bagai jenis. Di samping itu, terdapat seni lagunya yang indah dan memikat, ada di antaranya mendayu dan ada juga yang bersifat lantang.

Jika diperhatikan mengenai perbezaan antara al-Qur‟an dan qira‟at, di dapati para ulama berselisih pendapat adakah al-Qur‟an itu sama maksudnya dengan qira‟at. Mengikut pendapat Imam Badr al-Dīn al-Zarkashī, al-Qur‟an dan qira‟at merupakan dua hakikat yang berlainan. al-Qur‟an ialah wahyu yang diturunkan kepada Nabi Muhammad S.A.W. sebagai cahaya petunjuk dan mukjizat.[7] Manakala qira‟at ialah perselisihan kalimah-kalimah al-

[7] Dr. Muḥammad Sālim Muhaysayn (1998), *op.cit.,* h. 16.



University of Malaya

Qur"an pada huruf dan kaedah pembacaannya seperti *takhfīf* dan *tashdīd* dan qira"at perlu melalui proses *talaqqi* dan *mushafah*.[8]

Berbeza pula pandangan Dr. Muḥammad Sālim Muhaysayn yang menyatakan bahawa "al-Qur"an dan qira"at ialah satu makna yang sama, ini kerana al-Qur"an adalah *maṣdar* kepada *qirā"ah*(قِرَاءَة) dan qira"at pula merupakan kata jamak kepada *qirā"ah"* (قِرَاءَة).[9] Pada hemat beliau, kedua-duanya membawa maksud yang sama.

Dalam memberi pengertian al-Qur"an pula, para ulama telah berselisih pendapat dalam memberi definisi al-Qur"an serta asal perkataannya dari sudut bahasa. Pertama sekali, perselisihan itu dapat dilihat pada perkataan Qur"an, adakah ianya dengan (قرْءَان) *ḥamzah* (*qur"ān*) atau tanpa *ḥamzah* (قرُان) (*qurān*). Imam al-Suyūṭī dalam kitabnya *al-Itqān*[10] menyatakan bahawa al-Qur"an adalah kata nama khas yang tidak diambil dari mana-mana perkataan lain dan ia dibaca tanpa *ḥamzah*. Bacaan ini sama dengan Qira"at Ibn Kathīr.[11]

Pendapat kedua mengatakan bahawa perkataan al-Qur"an berasal dari kata dasar (*maṣdar*) bagi perkataan *qara"a* ( قرَأَ، يَقْرَأُ، قِرَاءَةً، وقرْءَاناً ) dengan maksud membaca.

---

[8] *Ibid.*
[9] *Ibid.*, h. 17.
[10] Jalāluddin al-Suyūti (1987), A*l-Itqān fi „Ulūm al-Qur"ān*. Beirut: al-Maktabah al-„Asriyyah, h. 143.
[11] Muḥammad Sālim Muhaysin (1997), *al-Irsyādāt al-Jaliyyah fī al-Qira"āt al-Sab„ min Ṭarīq al-Syatibiyyah*. Kaherah: al-Maktabah al-Azhariyyah li al-Turath, h. 55



University of Malaya

Pandangan ini disokong oleh Kamus *al-Mu„jam al-Wasiṭ*. Ia merupakan *maṣdar* kepada perkataan *qara"a* (قَرَأَ) sama seperti (قِرَاءَة) *qirā"ah* yang bermaksud membaca, sama ada bacaan secara kuat atau senyap. Manakala Dr. Ibrāhim Muṣṭafā, pengarang *al-Mu'jam al-Wasiṭ* memberikan maksud (قُرْآنَهُ) *Qurā'nah* dalam ayat 18 Surah *al-Qiyāmah* sebagai (قِرَاءَتَهُ) *qirā"atuh* iaitu bacaannya.[12] Terdapat juga pengertian lain yang mengatakan bahawa perkataan al-Qur"an merupakan *maṣdar* bagi perkataan (قَرَأَ, قِرَاءً، وقُرْآنًا) dengan maksud kumpulan atau himpunan.[13]

Dalam memberi pengertian al-Qur"an, pengarang Kitab *Al-Mu„jam al-„Arabī al-Asāsī* menyatakan bahawa al-Qur"an adalah *kalamullah* yang diturunkan ke atas Rasul-Nya Muhammad S.A.W. yang ditulis di dalam bentuk *mushaf*.[14] Pandangan beliau bersandarkan kepada ayat al-Qur"an yang menjelaskan bahawa al-Qur"an adalah wahyu yang diturunkan oleh Allah kepada Muhammad S.A.W.

Manakala Syeikh Manna„ al-Qaṭṭān pula mengatakan al-Qur"an adalah "kalam Allah yang diturunkan kepada Nabi Muḥammad dan membacanya adalah satu ibadah."[15] Dr. Ṣubḥi al-Ṣālih melengkapkan definisi al-Qur"an dengan menyebut definisi yang telah disepakati oleh ulama Islam termasuklah para ulama usul, fiqh dan pakar bahasa Arab iaitu "kalam Allah yang

---

[12] Ibrāhim Muṣṭafā *et. al.* (1985), *Al-Mu„jam al-Wasīṭ*. Kaherah: Syarikah al-I„lanat al-Syarqiyyah, c. 3, j.2, h.750.
[13] *Ibid.*
[14] Prof. Dr.Aḥmad Mukhtār „Umar *et. al.* (t.t), *Al-Mu„jam al-„Arabī al-Asāsi*. Kaherah: Jami„ah al-Dual al-„Arabiyyah: al-Munazzamah al-„Arabiyyah li al-Tarbiyyah wa al-Thaqafah wa al-„Ulum, h. 975.
[15] Manna„ al-Qaṭṭān (1988), *Mabāhith fī „Ulūm al-Qur'an*. Riyadh: Maktabah al-Ma„arif, c. 8, h. 21.



University of Malaya

menjadi mukjizat, diturunkan kepada Nabi Muhammad, yang ditulis di dalam *mushaf*, dipindahkan dan diterima secara *mutawatir* dan membacanya merupakan ibadah."[16]

Jika diperhatikan dengan mendalam, kita akan dapati bahawa penjelasan ulama mengenai definisi al-Qur‟‟an seperti yang dinyatakan di atas adalah saling melengkapkan dan lebih sempurna lagi jika ditambah dengan perkataan "… yang dimulai dengan Surah *al-Fatihah* dan diakhiri dengan Surah *al-Nas."*

## 2.2 Bentuk-Bentuk Bacaan al-Qur'an

Secara umumnya, para ulama telah membahagikan bentuk bacaan al-Qur‟‟an kepada dua jenis bacaan. Pembahagian ini berasaskan kepada firman Allah dalam Surah *al-Muzzammil* ayat 4. Asas bacaan itu haruslah jelas dan bertajwid seperti mana al-Qur‟‟an itu diturunkan. Pengertian bertajwid itu bermaksud bacaan yang lengkap dengan *makhraj* dan sifat huruf serta *waqf* dan *ibtidā'*nya secara sempurna.

أَوۡ زِدۡ عَلَيۡهِ وَرَتِّلِ ٱلۡقُرۡءَانَ تَرۡتِيلاً ﴿٤﴾ إِنَّا سَنُلۡقِى عَلَيۡكَ قَوۡلاً ثَقِيلاً ﴿٥﴾

Maksudnya: *Ataupun lebihkan (sedikit) daripadanya; dan bacalah al-Qur'an dengan "tartil". Sesungguhnya Kami akan menurunkan kepadamu wahyu (al-Qur'ān yang mengandungi perintah-perintah) yang berat.*[17]

University of Malaya

---

[16] Dr. Ṣubḥī al-Ṣālih (1990), *Mabāhith fī „Ulūm al-Qur'an*, Beirut: Dar al-„Ilmi li al-Malayin, c. 18, h.21.
[17] Surah *al-Muzammil*, ayat 4-5

Berikut adalah huraian mengenai jenis bacaan yang dijelaskan oleh para ulama *al- qurrā"* yang merangkumi jenis-jenis bacaan, rentak bacaan, dan lagu dalam bacaan al-Qur"an. Mengikut jenis bacaan, al-Qur"an boleh dibaca sama ada dengan bacaan biasa atau bacaan menurut qira"at. Bacaan biasa ialah bacaan al-Qur"an yang dibaca oleh umat Islam setempat dengan qira"at tertentu. Sebagai contohnya, kebanyakan umat Islam di Malaysia, Indonesia, Selatan Thai dan Negara Brunei membaca al-Qur"an dengan menggunakan *Riwayat Ḥafṣ „an„Āṣim*, maka apabila disebut bacaan al-Qur"an, ia adalah bacaan yang biasa dibaca oleh kebanyakan umat Islam dengan satu riwayat.

Adapun bacaan mengikut qira"at pula bermaksud sejenis bacaan al-Qur"an mengikut kaedah bacaan yang tertentu berdasarkan *riwayat* atau *ṭarīq* di dalam qira"at *mutawatirah* sahaja. Ia boleh dibaca secara *ifrād* atau secara *jam„*. Dari segi amalan bacaan qira"at biasanya dimaksudkan dengan bacaan al-Qur"an selain daripada *Riwayat Ḥafṣ „an „Āṣim*.

Manakala mengikut rentak bacaan, al-Qur"an boleh dibaca sama ada dengan bacaan *murattal* atau bacaan *mujawwad* atau dikenali juga dengan bacaan berlagu. Secara umumnya, bacaan *murattal* ialah bacaan yang menepati hukum-hukum tajwid dan meliputi kesemua jenis bacaan al-Qur"an seperti *taḥqīq, ḥadar* dan *tadwīr* tanpa *tarannum*. Bacaan seperti ini juga disebut sebagai satu bacaan dengan perlahan dan tertib, disertai dengan *tadabbur* pada makna serta penjagaan terhadap hukum-hukum.[18] Syeikh Muḥammad „Iṣām Muflih al-Quḍāh mengkategorikan bacaan *murattal* sebagai salah satu daripada jenis bacaan yang berada pada aras selepas bacaan *taḥqīq*.[19]

---

[18] Aḥmad Maḥmūd „Abd al-Sāmi„ al-Ḥafayān (2001), *„Asyhar al-Muṣṭalahāt fī Fann al-Adā" wa „Ilm al-Qira"āt*. Beirut: Dar al-Kutub al-„Ilmiyyah, h. 159.
[19] Muḥammad „Iṣām Muflih al-Quḍāh (1995), *Al-Waḍih fī Ahkām al-Tajwīd*. Jordan : Dar al-Nafa"is, h. 9.



University of Malaya

Untuk melihat secara jelas aras bacaan al-Qur‟‟an yang dikategorikan oleh ulama adalah seperti berikut. Bermula dengan bacaan *taḥqīq* : iaitu bacaan yang dibaca secara perlahan dan tenang, penuh *tadabbur* serta menjaga hukum-hukum tajwid. Bacaan ini sesuai untuk mereka yang baru mempelajari al-Qur‟‟an. Selepas bacaan *taḥqīq* diikuti dengan bacaan *murattal*, selepas itu bacaan *ḥadar* : iaitu bacaan yang cepat serta menjaga hukum-hukum tajwid. Dan pada aras terakhir ialah bacaan *tadwīr*: iaitu bacaan yang sederhana, iaitu antara *taḥqīq* dan *ḥadar* serta menjaga hukum-hukum tajwid.

Bacaan *mujawwad* bermaksud al-Qur‟‟an dibaca dengan bertajwid berserta dengan berlagu atau juga dikenali dengan *tarannum*. Adapun jenis-jenis lagu [20] adalah seperti lagu *Nahawand*, *Ṣaba*, *Bayātī*, *Rast*, *Sīkah*, *Ḥijāz*, dan *Jiharkah*.

## 2.3 Ilmu Qira'at

Perkataan qira‟‟at ialah kata jamak daripada perkataan (قِرَاءَة) *qirā‟‟ah* Jika dilihat dari sudut bahasa Arab, perkataan qira‟‟ah merupakan kata dasar (*ism maṣdar*) daripada perkataan ( قرَأَ، يَقْرَأُ، قِرَاءَةً، وقرْءَاناً ) *qara‟‟a, yaqra‟‟u, qirātan atau qurā‟‟nan,* bermaksud bacaan.[21]

Melihat kepada pengertian perkataan ini yang dijelaskan oleh Kamus *al-Mu„„jam al-Wasīṭ*

---

[20] Untuk keterangan lanjut mengenai jenis-jenis lagu sila rujuk Khadijatus Shalihah (1983), *Perkembangan Seni Baca al-Quran dan Qiraat Tujuh di Indonesia*. Jakarta : Pustaka al-Husna, h. 44. Lihat juga M. Misbachul Munir (1997), *Pedoman Lagu-lagu Tilawatil Quran : Dilengkap dengan Tajwid dan Qasidah*. Surabaya: Apollo, c. 3, h. 26.

[21] Dr. Muhammad Sālim Muhaysayn (1998), *op.cit.*

mengatakan bahawa ia adalah *maṣdar* kepada perkataan *qara"a* (قَرَأَ) sama seperti Qur"an yang bermaksud membaca, sama ada bacaan secara kuat atau senyap. Pengarang memberikan maksud (قُرْءَانَهُ) *qurā"nah* dalam ayat (فَإِذَا قَرَأْنَٰهُ فَٱتَّبِعْ قُرْءَانَهُۥ) *fa"idhā qara"nāhu fattabi„ Qurā"nah*[22] sebagai *qirā"atuh* iaitu bacaannya.[23]

Pandangan di atas dijelaskan lagi oleh pengarang *al-Mu„jam al-„Arabī al-Asāsī,* dengan mengatakan bahawa qira"at bermaksud bentuk-bentuk bacaan al-Qur"an „*al-Qirā'āt al-Sab„*."[24] Semua ulama besepakat mengatakan bahawa asal perkataan qira"at berasal daripada kata perbuatan *qara"a* (قَرَأَ) seperti yang dinyatakan di atas.

Dari sudut istilahnya pula, ianya adalah "satu ilmu tentang cara bagaimana untuk menyebut kalimah-kalimah al-Qur"an berserta dengan kepelbagaian bacaan dan disandarkan kepada periwayatan."[25] Pandangan ini diberikan penerangan dengan lebih jelas oleh Ustaz Rahim Jusoh sebagai "ilmu yang membincangkan tentang kalimah-kalimah al-Qur"an dengan keadaan kalimah tersebut seperti panjang, pendek dan sebagainya.[26]

Manakala Syeikh Manna" al-Qaṭṭān mendefinisikannya sebagai "satu daripada kaedah untuk membaca al-Qur"an yang dipegang oleh seseorang imam qira"at yang mana kaedah ini

---

22 Surah *al-Qiyāmah*, ayat 18
23 Ibrāhīm Muṣṭafā *et. al.* (1985)*, op.cit*.
24 Prof. Dr.Aḥmad Mukhtār „Umar *et. al.* (t.t)*, op. cit*.
25 Dr. Muhammad Sālim Muhaysayn (1998), *op.cit.*
26 Rahim Jusoh (2001), *Pengenalan Ilmu Qira'at*, c. 2. Selangor: Mahsuri Timur Sdn. Bhd, h. 7.



University of Malaya

berbeza dengan yang lain.[27] Pandangan beliau dijelaskan lagi oleh Muḥammad Sālim Muhaysin dalam membezakan antara *qirā"ah*, *riwāyah* dan *ṭuruq* menyatakan bahawa Qira‟at ialah setiap khilaf yang di nisbahkan kepada seseorang daripada imam sepuluh yang di sepakati oleh kedua-dua *rawi*nya.[28]

Sesuatu jenis bacaan jika disandarkan kepada salah seorang *qurrā"* terkemuka, maka ia bermaksud manhaj tertentu bagi imam atau qari tersebut, manakala dari aspek *talaqqi* dan bacaan, ianya dikenali dengan *farsh al-ḥuruf*. Sebagai contoh, Qira‟at Ibn Mas„ūd, Qira‟at Ubayy dan Qira‟at Zayd bin Thābit dan sebagainya.[29]

Dalam mencari pentakrifan yang lengkap mengenai ilmu qira‟at, penulis merasakan bahawa takrif Qira‟at yang paling sempurna ialah takrif yang diberikan oleh Imam Muḥammad Ibn Muḥammad al-Jazarī, dengan kata beliau "ia merupakan satu ilmu tentang cara untuk membaca kalimah-kalimah atau perkataan-perkataan yang ada di dalam Al-Qur‟an berserta perbezaannya dengan menyandarkannya kepada imam atau qari yang meriwayatkannya.[30] Sebagai contohnya, Qira‟at al-Imam Nāfi„, Qira‟at al-Imam „Āṣim dan Qira‟at Imam Ḥamzah.

Ilmu qira‟at merupakan salah satu cabang ilmu yang masih lagi baru dan asing bagi masyarakat di Malaysia. Kebiasaanya, masyarakat di Malaysia hanya mengenali dan mengetahui dengan satu bacaan sahaja iaitu riwayat *Ḥafṣ* dan *„Āṣim*.

---

[27] Manna„ al-Qattan (1988), *op. cit.*, h. 170.

[28] Dr. Muhammad Sālim Muhaysin (1997), *op. cit.* Lihat juga Aḥmad Maḥmūd „Abd al-Sāmi„ al-Ḥafayān (2001), *op.cit.*, h. 155.

[29] Dr. Muḥammad al-Ḥabsy (1999), *Al-Qira"āt al-Mutawatirah wa Atharuha fī al-Rasm al-Qur"ānī wa al-Aḥkām al-Syar„iyyah*. Damsyik : Dar al-Fikr, h. 32.

[30] Muḥammad bin Muḥammad al-Jazarī (1980), *Munjid al-Muqri"īn wa Murshid al-Ṭalibīn*. Beirut: Dar al-Kutub al-„Ilmiyyah, h. 3



University of Malaya

## 2.4 Sejarah Perkembangan Ilmu Qira'at

Sejarah Qira"at bermula daripada penurunan wahyu yang pertama diterima oleh Rasulullah iaitu Surah *al-,Alaq*. Dengan itu, bermulalah episod kerasulan dan dakwah baginda S.A.W. kepada umatnya. Baginda S.A.W. mengajar al-Qur"an kepada para sahabat sama seperti yang diajarkan oleh Jibril kepada baginda.[31] Untuk memantapkan dan menjaga kemurniaan al-Qur"an, baginda S.A.W. sentiasa bertadarus dan memperdengarkan bacaan al-Qur"an kepada Jibril sekurang-kurangnya setahun sekali, kecuali pada tahun terakhir sebelum baginda wafat, baginda membacanya sebanyak dua kali.[32] Sepanjang tempoh baginda menerima wahyu sama ada di Mekah atau di Madinah, baginda S.A.W. akan mengajarnya kepada para sahabat sebagaimana ia diturunkan, tidak di dapati sebarang perselisihan kecuali pertelingkahan antara 'Umar bin al-Khaṭṭāb dan Hisyām bin Ḥakīm bin Ḥizam mengenai Surah *al-Furqan*.[33]

Peristiwa ini tidak mungkin berlaku kecuali setelah turunnya arahan yang dibawa oleh Jibril agar baginda S.A.W. membaca dan mengajarkan al-Qur"an kepada umatnya dengan satu huruf (bentuk bacaan) sahaja. Rasulullah kemudiannya meminta agar diringankan arahan tersebut sehingga Jibril datang dan menetapkan supaya ia boleh dibaca dengan tujuh bentuk bacaan (*sab,,ah aḥruf*).[34]

Hadith ini menjadi asas permulaan keharusan membaca al-Qur"an dengan pelbagai Qira"at yang dibenarkan, asalkan menggunakan *sab,,ah aḥruf*. Peristiwa pertelingkahan ini

---

[31] Muḥammad b. Ismā'īl Abū „Abd Allah al-Bukhārī (1994), *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī. Kitāb Faḍā'il al-Qur"ān*, Bab Unzila al-Qur"ān ,alā Sab,ati Ahruf, no. hadith 4992.

[32] Ṣaḥīḥ al-Bukhari, Bāb Kāna Jibrīl Ya,riḍu al-Qur"ān ,alā al-Nabiyy ṢallalLahu 'Alayhi Wa Sallam, no. hadith. 4998, *ibid*.

[33] Dr. Al-Sayyid Rizq al-Tawil (1985), *Fī „Ulūm al-Qira'āṭ*. Makkah : Maktabah al-Fayṣaliyyah, h. 34.

[34] Muslim bin al-Hajjāj, Ṣaḥīḥ Muslim. *Kitāb Ṣalāḥ al-Musāfirīn wa Qaṣriha*, Bāb al-Qur"ān ,alā Sab,ati Ahruf, no. hadith 821.



University of Malaya

berlaku di *„Adah Bani Ghifār*, satu kawasan air berhampiran Madinah[35]. Rentetan daripada peristiwa itu, satu lagi peristiwa berlaku juga di Madinah iaitu di *Aḥjar al-Mirā'*[36] serta disokong oleh sebuah lagi hadith yang diriwayatkan oleh Imam Muslim bahawa peristiwa yang berkaitan berlaku juga di Masjid Nabawi.

Sebagaimana yang diketahui, masjid hanya didirikan oleh Rasulullah setelah baginda berhijrah ke Madinah. Maka, kemungkinan besar Qira‟at bermula di Madinah. Hal ini bertepatan dengan kelonggaran membaca al-Qur‟an yang di berikan dapat dilihat berlaku di Madinah setelah masyarakat daripada pelbagai bangsa dengan bermacam bahasa menganut Islam. Sesetengah daripada mereka merasakan amat sukar untuk membaca al-Qur‟an kerana pelat sebutan mereka tidak sama dan tidak biasa menyebut perkataan-perkataan Arab.

Berlainan pula dengan pandangan Syeikh Muḥammad Sālim Muhaysin yang lebih cenderung mengatakan bahawa permulaan Qira‟at telah bermula di Makkah bersama turunnya al-Qur‟an. Antara sebabnya ialah kerana kebanyakan surah adalah *Makkī,* dan Qira‟at juga wujud dalam surah *Makkiyah,* maka ini menunjukkan bahawa Qira‟at turun di Makkah bersama-sama turunnya al-Qur‟an. Namun penzahiran pembacaan yang ketara tidak berlaku sehinggalah terjadinya perselisihan seperti yang dinyatakan di atas dari segi bacaan.[37]

Demi menjaga kemurnian dan kesucian Al-Qur‟an, para sahabat baginda S.A.W. gigih dalam mempelajari dan menghafal Al-Qur‟an. Ada di kalangan mereka yang mempelajari Qira‟at daripada Rasulullah dalam satu huruf, ada yang belajar dua huruf dan ada yang lebih

---

[35] Muḥammad „Abd al-„Aẓīm al-Zarqanī (1996), *Manāḥil „Irfān fī „Ulūm al-Qur'ān*. Beirut: Dar al-Kutub al-„Arabi, j. 1, c. 2, h. 121.

[36] Dr.„Abduh al-Rajiḥī (1999), *Al-Laḥajāt al-„Arabiyyah fī al-Qira'āt al-Qur'āniyyah*. Riyadh: Maktabah al-Ma„arif, h. 83.

[37] Dr. Muhammad Sālim Muhaysin (1989), *Fī Riḥāb al-Qur'ān al-Karīm*. Beirut : Dar al-Jayl, j.1, h.233-234.



University of Malaya

daripada dua huruf menurut keupayaan dan kesediaan masing-masing.[38] Setelah berlakunya pembukaan negara Islam, para sahabat ini kemudiannya berhijrah ke serata tempat dengan tujuan menyebarkan agama Islam dan mengajar mereka Al-Qur‟an.

Antara sahabat-sahabat terkemuka di dalam bacaan al-Qur‟an ialah: (1) „Uthmān ibn „Affān,[39] (2) „Alī ibn Abī Ṭalib,[40] (3) Ubayy ibn Ka„ab,[41] (4) Zayd ibn Ṭhabit Al-Anṣārī,[42] (5) „Abd Allāh ibn Mas„ūd,[43] (6) Abū Mūsā Al-Asy„arī.[44] Setelah itu, perkembangan ilmu Qira‟at di teruskan oleh para tabi‟īn dalam menyebarluaskan ilmu ini ke seluruh pelusuk negara Islam. Mereka mengajar al-Qur‟an di setiap wilayah yang dikunjungi dengan menggunakan mushaf yang dibawa oleh mereka seperti mushaf Syam, mushaf Madinah dan sebagainya

Setelah mereka melawat di sesebuah kota Islam, ramai di kalangan mereka yang menetap di sana dan menjadi terkenal dengan bacaan mereka yang akhirnya membentuk *ṭabaqah al-qurrā‟* mengikut tempat ulama tadi menetap. Antara tabi'in yang terkemuka dalam bacaan al-Qur‟an di Madinah ialah: (1) Ibn al-Musayyib, (2) „Urwah ibn al-Zubayr, (3) „Umar ibn „Abd „Azīz, (4) Sulayman ibn Yasar, (5) Zayd ibn Aslam, (6) Ibn Syihāb al-Ẓuhrī, (7) „Abd al-Raḥmān ibn Ḥurmuz dan (8) Mu„ādh ibn al-Ḥarīth. Setelah itu, perkembangan ini diteruskan lagi

University of Malaya

[38] Dr. Sya„bān Muḥammad Ismā'īl (1990), *Al-Qirā'āt Aḥkāmuhā wa Masdaruha*, c.2. Kaherah : Dar al-Salam, h. 49.
[39] Antara murid beliau yang masyhur ialah al-Mughīrah ibn Abī Syihāb dan al-Makhzumī.
[40] Antara murid beliau yang masyhur ialah Abu „Abd al-Raḥmān al-Sulamī, Abū al-Aswad al-Du‟ali dan „Abd al-Raḥmān ibn Abī Laylā.
[41] Antara murid beliau yang masyhur ialah „Abd Allah bin „Abbās, Abū Hurayrah dan Abū „Abd al-Raḥmān al-Sulamī.
[42] Antara murid beliau yang masyhur ialah Abū Hurayrah, „Abd Allah bin „Abbās,„Abd Allah bin „Umar dan Anas bin Mālik.
[43] Antara murid beliau yang masyhur ialah „Alqamah bin Qays, Al-Aswad bin Yazīd al-Nakha„i, Masrūq bin al-Ajda„ dan Abū „Abd Al-Raḥmān al-Sulamī.
[44] Antara murid beliau yang masyhur ialah Sa'īd bin Musayyib, Ḥittān al-Raqasyī dan Abū Rajā‟ al-„Utaridi

oleh ulama selepas tabi‟‟in, antaranya ialah Abū Ja„far Yazīd bin al-Qa„qa„, Syaybah bin Nisah dan Nāfi„ bin Abi Nu„aym. [45]

Manakala dalam kalangan tabi‟‟in yang terkenal di Mekah antaranya ialah Mujāhid, Ṭāwūs, „Ikrimah, Ibn Abī Malikah dan „Ubayd bin „Umayr, dan di Basrah antaranya ialah Amīr bin „Abd al-Qays, Abū al-„Aliyah, Naṣr bin „Āṣim, Yaḥyā bin Ya‟‟mur, Jābir bin al-Ḥasan dan Ibn Sirīn. Di Kufah, antaranya ialah „Alqamah bin Qays al-Nakha„i, Abū „Abd al-Raḥmān al-Sulamī, al-Aswad bin Zayd al-Nakha„ī, Sa„īd bin Jubayr, „Umar bin Syurahbil, „Amr bin Maymūn dan al-Ḥārith bin Qays. Sementara di Syam, antaranya ialah al-Mughīrah bin Abī Syihāb al-Makhzumi, Abū al-Dardā‟‟ dan Khālid bin Sa„īd.

Perkembangan ilmu qira‟‟at memasuki fasa kedua perkembangannya pada zaman pembukuan qira‟‟at. Secara umumnya, zaman ini dapat dibahagikan kepada dua peringkat. Peringkat pertama ialah pembukuan qira‟‟at yang diterima secara *talaqqi* atau *musyāfahah* atau *riwāyah*. Manakala peringkat kedua diterima secara *talaqqi* dan *riwāyah* daripada kitab. Semua kaedah yang dinyatakan di atas adalah mutawatir dan sanadnya bersambung hingga kepada Rasulullah.

Kebanyakan ulama qira‟‟at membukukan tulisan mereka dalam dua bentuk, pertama. Ianya ditulis di dalam kitab *„Uūm al-Qur‟ān* atau tafsir atau hadith atau nahu. Manakala bentuk ke dua ditulis secara berasingan daripada kitab ilmu lain sama ada sebagai satu kaedah bacaan yang merujuk kepada imam qira‟‟at tertentu, atau dengan menghimpunkan semua imam qira‟‟at atau *tawjīḥ* atau alasan dalam qira‟‟at

[45] Muḥammad bin „Umar bin Sālim Bazmul (1996), *Al-Qira‟āt wa Atharuha fī al-Tafsīr wa al-Aḥkām*. Riyadh : Dar al-Hijrah, h. 91 -94.

## 2.5 Pengertian Huruf *Sab'ah*

Para ulama telah bersepakat bahawa tidak boleh di nisbahkan pengertian tujuh huruf kepada tujuh *qurrā"* yang masyhur. Kerana mereka semua merupakan golongan yang tidak sempat hidup bersama Rasulullah S.A.W semasa turunnya wahyu. Terdapat pelbagai pendapat yang dikemukakan oleh para ulama mengenai perkara ini.

Sebahagian besar ulama berpendapat bahawa yang di maksudkan dengan tujuh huruf ialah tujuh *laḫjat* (loghat) bahasa daripada bahasa-bahasa Arab mengenai satu makna. Ini bererti, jika bahasa mereka berbeza-beza dalam mengungkapkan sesuatu makna, maka al-Qur"an yang diturunkan dengan sejumlah lafaz yang bersesuaian dengan ragam bahasa tersebut dapat menjelaskan makna yang satu itu. Jika tidak terdapat perbezaan, maka al-Qur"an hanya mendatangkan satu lafaz atau lebih sahaja. Kemudian mereka berbeza pendapat juga dalam menentukan ketujuh-tujuh bahasa itu.

Di katakan bahwa ketujuh-tujuh bahasa itu adalah bahasa *Quraysy* (suku bangsa Arab keturunan Nabi Ibrahim), *Huḍayl* (kabilah yang bersambung nasabnya hingga ke keturunan nabi iaitu *Huḍayl bin Mudrikah bin Ilyās*, *Tsaqif* (keturunan berasal daripada Bandar *Ṭāif,* dinisbahkan kepada *Qis bin Munabbih bin Bakr bin Haw*āzin ), *Hawazin* (salah satu kabilah yang berasal daripada semenanjung arab dan dinisbahkan kepada *Hawāzin bin Manṣūr bin Ikrimah*), *Kinānah* (suku *Quraysy* merupakan pecahan daripada Bani *Kinānah* yang berasal daripada *Kinānah bin Khuzayma bin Mudrikah*), *Tamīm* (daripada *Tamīm* bin Mur bin „Addy, Bani *Tamīm* merupakan suku bangsa arab yang paling fasih berbahasa arab dibandingkan dengan



University of Malaya

suku arab yang lain.) dan *Yaman* (sebuah negara Timur Tengah yang terletak di Semenanjung Arab di Asia Barat Daya).[46]

Al-Qāsim Ibn Thābit bersetuju dengan pandangan ulama di atas berdasarkan hadith Nabi Muḥammad S.A.W.:

أُنْزِلَ الْقُرْءَانَ عَلَي سَبْعَةِ أَحْرُفُ

*Maksudnya : Diturunkan al-Qur"ān itu dengan tujuh huruf.*[47]

Namun beliau menafsirkan maksud tujuh bahasa dalam hadith ini adalah berbeza daripada pandangan di atas. Tujuh bahasa tersebut ialah, *Quraysy*, *Kinanāh*, *Asad*, *Hudhayl*, *Tamīm*, *Dibah* dan *Qays*.[48]

Berlainan pula dengan pandangan Imam Abū al-Faḍl al-Rāzī, di mana beliau menyatakan bahawa yang dimaksudkan dengan tujuh huruf ialah tujuh khilaf [49] iaitu : (1) Khilaf ataupun perbezaan dari segi *asma"* (kata nama), contohnya *ifrad*, *thasniah*, *jama"*, *tadzkīr* dan *ta"nīth*, (2) Khilaf *taṣrif af"al* seperti *maḍi*, *muḍari"* dan *amar*, (3) *Khilāf wajah I„rāb*, (4) Khilaf *al-Naqṣ* dan *al-Ziyādah*, (5) Khilaf *al-Taqdīm* dan *al-Ta"khīr*, (6) Khilaf dari segi bahasa seperti *fataḥ*, *imālah*, *tarqīq*, *tafkhīm*, *idghām*, *iẓhār* dan sebagainya.

---

[46] Ahmad Mahmūd „Abd al-Samī" al-Shāfi'ī (2002), *al-Ijābāt al-Waḍihāt li Suālāt al-Qira"āt*, c. 1. Beirut : Dār al-Kutub al-„Ilmiyyah, h. 28.
[47] Muḥammad Bin Ismāīl al-Bukhārī (1987), *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, c. 3, j. 3, Kitab al-Khuṣūmah. Beirut : Dar Ibn Kathir, h. 1377.
[48] Dr. Muḥammad Sālim Muhaysayn (1998), *op.cit.,* h. 32.
[49] *Ibid.,* h. 34.



University of Malaya

Selain itu, terdapat juga beberapa pandangan lain yang cuba membincangkan pengertian tujuh huruf itu. Antaranya mengatakan bahawa tujuh huruf itu bermaksud "halal, haram, *muḥkām*, *mutashābih*, *amthāl*, *inshā"* dan *ikhbar.*"[50] Pandangan yang lain pula mengatakan bahawa ianya bermaksud "suruhan, tegahan, permintaan, doa, perkhabaran, i*stikhbar* dan *al-rajz."*[51] Ada juga yang mengatakan ianya bermaksud "janji baik, janji buruk, *mutlak*, *muqqayad*, tafsir, *i"rāb* dan *ta"wīl."*[52]

Daripada kesemua pendapat mengenai pengertian huruf *Sab„ah*, pendapat yang paling masyhur dalam kalangan ulama ialah pendapat Imam Fakh al-Rāzī Muḥammad Ibn „Umar al-Rāzī[53] yang menyatakan bahawa asas perbezaan itu merujuk kepada perkara berikut:

i. Khilaf ataupun perbezaan dari segi *asma"*(kata nama). Contohnya *ifrad*, *thasniah*, *jama"*, t*adzkīr* dan *ta"nīth*.

وَٱلَّذِينَ هُمۡ لِأَمَـٰنَـٰتِهِمۡ وَعَهۡدِهِمۡ رَٰعُونَ ﴿٨﴾

Maksudnya: *Dan mereka yang menjaga amanah dan janjinya*.[54]

Kalimah yang bergaris dibaca secara jamak لِأَمَـٰنَـٰتِهِم dan *mufrad* لِأَمَـٰنَتِهِم

ii. Khilaf *taṣrif af„al* seperti *māḍi*, *muḍāri„* dan *amar*:

---

[50] Ahmad Mahmūd „Abd al-Samī" al-Shāfi'ī (2002), *al-Ijābāt al-Waḍihāt li Suālāt al-Qira"āt*, c. 1. Beirut : Dar al-Kutub al-„Ilmiyyah, h. 27.
[51] *Ibid.*, h. 28.
[52] *Ibid.*
[53] Manna" al-Qaṭṭān (1998), *op.cit.,* h. 142.
[54] Surah *al-Mu"minūn*, ayat 8.



University of Malaya

فَقَالُوا۟ رَبَّنَا بَـٰعِدْ بَيْنَ أَسْفَارِنَا وَظَلَمُوٓا۟ أَنفُسَهُمْ فَجَعَلْنَـٰهُمْ أَحَادِيثَ وَمَزَّقْنَـٰهُمْ كُلَّ مُمَزَّقٍ ۚ

Maksudnya: *Maka kemakmuran dan kemudahan itu menjadikan mereka sombong dan kufur), lalu berkata: "Wahai Tuhan kami, jauhkanlah jarak perjalanan kami (di antara sebuah bandar dengan yang lain)", dan mereka berlaku zalim kepada diri mereka sendiri; lalu Kami jadikan (kisah perbuatan derhaka) mereka: buah mulut orang ramai, serta Kami pecah belahkan mereka berkecai-kecai.*[55]

Ayat bergaris di atas dibaca menggunakan Qira"at dengan tiga khilaf bacaan iaitu,

(ربنَّا بعِّد, ربنُّا باعَد, ربنَّا باعِد) *rabbanā bā,,id, rabbunā bā''da, rabbanā bā,,id.*

iii. Khilaf *wajah I,,rāb*

وَلَا يُضَآرَّ كَاتِبٌ وَلَا شَهِيدٌ ۚ وَإِن تَفْعَلُوا۟ فَإِنَّهُۥ فُسُوقٌۢ بِكُمْ ۗ

Maksudnya: *Dan janganlah mana-mana jurutulis dan saksi itu di susahkan. dan kalau kamu melakukan (Apa yang dilarang itu), maka sesungguhnya yang demikian adalah perbuatan fasik (derhaka) yang ada pada kamu.*[56]

Pada lafaz يُضَآرّ terdapat dua bacaan yang menjadi perbezaan dari segi *I ‘rāb.*

Pertama, huruf *rā"* dibaca dengan *tashdīd* dan baris *fatḥah*. Kedua, huruf *rā"* dibaca dengan *sukūn*.

[55] Surah *al-Saba"*, ayat 19.
[56] Surah *al-Baqarah*, ayat 282.



University of Malaya

iv. Khilaf *al-naqṣ* dan *al-ziyādah*

وَٱلَّيۡلِ إِذَا يَغۡشَىٰ ١ وَٱلنَّهَارِ إِذَا تَجَلَّىٰ ٢ وَمَا خَلَقَ ٱلذَّكَرَ وَٱلۡأُنثَىٰٓ ٣

Maksudnya: *Demi malam apabila ia menyelubungi segala-galanya (dengan gelap-gelitanya), dan siang apabila ia lahir terang-benderang; Demi yang menciptakan (makhluk-makhluk-Nya) lelaki dan perempuan, (jantan dan betina).*[57]

Pada kalimah وَمَا خَلَقَ terdapat qira‟at yang membuang huruf *waw* pada bacaan dan ada yang mengekalkannya.

v. Khilaf *al-taqdīm* dan *al-ta'khīr*

وَجَآءَتۡ سَكۡرَةُ ٱلۡمَوۡتِ بِٱلۡحَقِّۖ ١٩

Maksudnya: *Dan (apabila sampai ajal seseorang) datanglah "sakarat al-maut" membawa kebenaran (yang telah dijanjikan, serta dikatakan kepada yang mengingkarinya sebelum itu).*[58]

Pada kalimah ٱلۡمَوۡتِ بِٱلۡحَقِّ terdapat qira‟at yang mendahulukan perkataan ٱلۡمَوۡت dan ada yang mengakhirkannya.

University of Malaya

[57] Surah *al-Layl*, ayat 3.
[58] Surah *Qāf*, ayat 19

vi. Khilaf daripada segi bahasa seperti *fataḥ*, *imālah*, *tarqīq*, *tafkhīm*, *idghām*, *iẓhār* dan sebagainya. Sebagai contoh pada kalimah وَٱلضُّحَىٰ boleh dibaca dengan *imālah* atau pun *fatḥaḥ*.

vii. Perbezaan *ibdāl* atau ganti nama.

Contohnya kalimah نُنشِزُهَا di dalam Surah *al-Baqarah* terdapat qira‟‟at yang menggantikan huruf *zai* dengan *rā'*.

## 2.6 Jenis-Jenis Qira'at

Imam Muhammad Ibn al-Jazari membahagikan qira‟‟at kepada empat jenis, iaitu:

i. Qira‟‟at yang menepati 3 syarat rukun qira‟‟at *ṣaḥīḥah,* maka ia adalah *mutawatir,* termasuklah qira‟‟at sepuluh.

ii. Qira‟‟at yang menepati bahasa Arab dan *rasm „Uthmani* tetapi dari segi sanadnya tidak sampai *darjah mutawatir* iaitu *masyhur*.

iii. Qira‟‟at yang menepati bahasa Arab serta sanadnya sahih tetapi menyalahi *rasm „Uthmani*. Qira‟‟at ini dikenali dengan *syādh*.



University of Malaya

iv. Qiraʻʻat yang menepati bahasa Arab dan *rasm* atau salah satu daripadanya tanpa sanad. Ia tidak dikategorikan dalam *syādh* tetapi *makdhūbah* yang bermaksud pendustaan atau penipuan.

Manakala menurut al-Qāḍī Jalāl al-Dīn al-Bulqīnī,[59] qiraʻʻat terbahagi kepada tiga bahagian:

i. *Mutawatir* : Qiraʻʻat tujuh yang masyhur.
ii. *Aḥād* : Qiraʻʻat tiga yang menjadi pelengkap kepada qiraʻʻat sepuluh, dan semua qiraʻʻat ini dinisbahkan dengan qiraʻʻat para sahabat.
iii. *Syādh* : Qiraʻʻat para tabiʻʻin seperti al-Ā„mash, Yaḥyā Ibn Wathab, Ibn Jubayr dan lain-lain lagi.

Al-Qastallani (923 H) pula membahagikannya kepada tiga[60]:

i. Disepakati ia sebagai *mutawatir:* iaitu *Qirā'āt Sab„ah*
ii. Di*khilafi* ia sebagai *mutawatir*: iaitu tiga qiraʻʻat selepas tujuh qiraʻʻat di dalam *Qirā''āt „Asyarah*.
iii. Disepakati ia sebagai *syādh*: iaitu empat qiraʻʻat selepas sepuluh qiraʻʻat di dalam *Qirā''āt „Asyarah* iaitu daripada 14 qiraʻʻat yang ada.

---

[59] Jalāl al-Dīn „Abd al-Raḥmān al-Suyūti (t.t), *Al-Itqān fī „Ulūm al-Qur''ān*, j. 1, c. 2. Kaherah : Maktabah Tawfiqiyyah, h. 217.
[60] Syihab al-Din Al-Qastallani (1972), *Lata''if al-Isyarat li Funun al-Qira''at*. Kaherah : Lujnah al-Turath al-Islami, j. 1, h.170.



University of Malaya

Mengikut Pendapat Imam al-Suyūṭī, qira‟at terbahagi kepada enam bahagian[61]:

i. *Mutawatir* : Qira‟at yang diriwayatkan oleh sekumpulan orang yang ramai dan mereka ini mustahil berpakat untuk berdusta.

ii. *Masyhur* : Qira‟at yang sah sanadnya dan tidak sampai darjat mutawatir. Qira‟at ini sesuai dengan kaedah bahasa Arab, bertepatan dengan tulisan *rasm* „Uthmani, dan ia masyhur dalam kalangan *qurrā‟* serta tidak terdapat kecacatan.

iii. *Aḥād* : Qira‟at yang sah sanadnya, tetapi ia menyalahi dengan kaedah *rasm* „Uthmani dan bahasa Arab. Ianya tidak masyhur sepertimana dua qira‟at yang disebutkan sebelum ini.

iv. *Shādh* : Qira‟at yang tidak sah sanadnya.

v. *Mawḍū„* : Qira‟at palsu yang disandarkan kepada orang tertentu tanpa diketahui sanad dan rawinya. Seperti qira‟at *al-Khuzā‟i*

vi. *Mudraj* : Qira‟at yang ditokok tambah sebagai penjelas atau sesuatu tafsiran. Seperti qira‟at Sa„ad Bin Abi Waqqāṣ.

Syeikh Manna„ al-Qaṭṭān mengklasifikasikannya dengan lebih terperinci menjadikannya enam jenis.[62]

i. *Mutawatir* : Merupakan qira‟at yang diriwayatkan oleh sekumpulan perawi yang tidak mungkin melakukan pendustaan dalam periwayatan mereka dan begitu juga dalam semua peringkat perawi hingga sampai kepada Rasulullah.

---

[61] Jalāl al-Dīn „Abd al-Rāḥmān al-Suyūṭi (t.t), *Al-Itqan fī „Ulūm al-Qur‟ān*, j. 1, c. 2. Kaherah : Maktabah Tawfiqiyyah, h. 221.

[62] Manna‟ al-Qaṭṭān (1988), *op.cit.,* h. 178-179. Lihat juga Muhammad „Abd al-„Aẓīm al-Zarqanī, *op.cit*, j.1, c. 8, h. 340-350.



University of Malaya

ii. *Masyhur* : Ia menepati syarat qira‟‟at yang sahih cuma sanadnya tidak mencapai darjat *mutawatir* iaitu *masyhur*.

iii. *Aḥād* : Sanadnya sahih dan salah satu atau kedua-dua rukun lain seperti *rasm* dan bahasa Arab tidak menepati syarat.

iv. *Syādh* : Qira‟‟at yang tidak sahih sanadnya.

v. *Mawḍū„*: Qira‟‟at yang tiada sumber asal.

vi. *Mudraj* : Merupakan tambahan kepada qira‟‟at dalam bentuk tafsir.

Kesimpulannya, walaupun ada ulama mengatakan bahawa tiga qira‟‟at pelengkap bagi *Qira'āt „Asyarah Sughrā* tergolong di dalam *masyhur* (bukan *mutawatir*) tetapi ia tetap diterima oleh umat dan dibaca secara ijma„ sehingga ke hari ini. Ulama yang mengatakan bahawa tiga qira‟‟at tadi adalah *mutawatir* pula bukan sedikit. Antaranya ialah al-Jazarī.[63]Secara umum, apa yang sering kita dengar pada zaman mutakhir ini seolah-olah qira‟‟at itu ada dua jenis sahaja, iaitu qira‟‟at yang sahih (tujuh atau sepuluh) dan *syādh* tanpa memikirkan secara terperinci jenis-jenisnya.

## 2.7 Rukun Qira'at

Mengikut pendapat Ibn Jazarī,[64] sesuatu qira‟‟at itu dianggap mutawatir dan tidak boleh dipertikaikan ketika ia merangkumi tiga syarat, iaitu:

i. Qira‟‟at yang bersesuaian dengan kaedah bahasa Arab walaupun hanya satu keadah.

[63] Muḥammad bin Muḥammad al-Jazarī (1980), *op.cit.*, h. 15.

[64] Abī „Abd Allah Muḥammad Bin Shurayh al-Ru‟‟ainī al-Andalūsī (2000), *al-Kāfī al-Qira'āt al-Sab'*, c. 1. Beirut : Dar al-Kutub al-„Ilmiyyah, h. 10.

ii. Bersesuaian dengan kaedah *rasm* „Uthmani walaupun dibaca dengan dua bacaan atau pun lebih di dalam satu penulisan.

iii. Sanad yang sah. Iaitu perawi yang meriwayatkan sesuatu qira‟‟at mestilah adil serta kuat ingatan dari mula hingga ke akhir sanad. Ketiga-tiga syarat ini merupakan syarat sah qira‟‟at yang perlu digabungjalin. Jika salah satunya ditolak, maka terbatallah qira‟‟at itu.

## 2.8 Hikmah Diturunkan Al-Qur'an Dengan Tujuh Huruf

Sesungguhnya hikmah di sebalik penurunan al-Qur‟‟an dengan tujuh huruf memberi pelbagai faedah kepada umat Islam. Antara hikmah dan faedahnya ialah:

i. Memudahkan umat Islam membacanya kerana kepelbagaian dialek wujud selepas Islam berkembang ke serata dunia.

ii. Menunjukkan kemukjizatan al-Qur‟‟an yang tidak boleh diselewengkan selama-lamanya.[65] Berdasarkan firman Allah:

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا ٱلذِّكْرَ وَإِنَّا لَهُۥ لَحَـٰفِظُونَ ﴿٩﴾

Maksudnya: *Sesungguhnya Kamilah Yang menurunkan* al-*Qur'an, dan Kamilah Yang memelihara dan menjaganya.*[66]

[65] Aḥmad Mahmūd „Abd al-Samī‟‟ al-Shāfi‟ī (2002), *Al-Ijābāt al-Waḍihāt li Suālāt al-Qira'āt*, c. 1. Beirut : Dar al-Kutub al-„Ilmiyyah, h. 31.



University of Malaya

iii. Menampakkan keindahan al-Qur‟an dan kemuliannya. Contohnya, satu kalimah membawa pelbagai pengertian hukum dan memudahkan diamalkan oleh umat Islam. Firman Allah :

ٱمۡسَحُواْ بِرُءُوسِكُمۡ وَأَرۡجُلَكُمۡ إِلَى ٱلۡكَعۡبَيۡنِۚ ٦

Maksudnya: *Dan sapulah sebahagian daripada kepala kamu, dan basuhlah kedua belah kaki kamu meliputi buku lali.*[67]

Jika kalimah وَأَرۡجُلَكُمۡ dibaca dengan baris atas, ia membawa kepada tuntutan membasuh kaki, iaitu sesuatu yang harus dibasuh. Manakala jika dibaca dengan baris bawah, ia membawa kepada tuntutan menyapu iaitu merupakan anggota yang harus disapu.[68]

iv. Menjelaskan hukum yang samar. Di dalam *Qirā'āt Shādh* pada ayat:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ إِذَا نُودِيَ لِلصَّلَوٰةِ مِن يَوۡمِ ٱلۡجُمُعَةِ فَٱسۡعَوۡاْ إِلَىٰ ذِكۡرِ ٱللَّهِ
وَذَرُواْ ٱلۡبَيۡعَۚ ذَٰلِكُمۡ خَيۡرٞ لَّكُمۡ إِن كُنتُمۡ تَعۡلَمُونَ ٩

Maksudnya: *Wahai orang-orang yang beriman! Apabila diserukan azan (bang) untuk mengerjakan sembahyang pada hari Jumaat, maka segeralah kamu pergi (ke masjid) untuk mengingati Allah (dengan mengerjakan sembahyang Jumaat)*

[66] Surah *al-Ḥijr*, ayat 9.
[67] Surah *al-Mā'idah*, ayat 6.
[68] „Abd al-Qayyūm Bin „Abd al-Ghafūr (2001), *Ṣafaḥāt fi „Ulūm al-Qur'ān*, c. 2. Beirut : Dar al-Basha‟ir, h. 113.



University of Malaya

*dan tinggalkanlah berjual-beli (pada saat itu. Yang demikian adalah baik bagi kamu, jika kamu mengetahui (hakikat Yang sebenarnya).*[69]

Walaupun ia *Qirā'āt Shādh* tetapi ia menerangkan qira‟‟at yang mutawatir. Kalimah فَٱسۡعَوۡاْ bermaksud secara cepat untuk menunaikan solat Jumaat. Tetapi pada *Qirā'āt Shādh,* kalimah فامْضُوا membawa erti panggilan mengingati Allah.[70]

v. Menjelaskan hukum dengan lebih tepat. Bacaan Sa„ad Bin Abī Waqqāṣ menambah kalimah (مِنْ أُمٍّ) pada ayat

وَإِن كَانَ رَجُلٞ يُورَثُ كَلَٰلَةً أَوِ ٱمۡرَأَةٞ وَلَهُۥٓ أَخٌ أَوۡ أُخۡتٞ ﴿١٢﴾

Maksudnya: *Dan jika si mati yang diwarisi itu, lelaki atau perempuan, yang tidak meninggalkan anak atau bapa, dan ada meninggalkan seorang saudara lelaki (seibu) atau saudara perempuan (seibu*).[71]

Ia membawa maksud, ketentuan itu adalah saudara seibu dan bukan saudara kandung atau saudara seayah.[72]

---

69 Surah *al-Juma'a h*, ayat 9.
70 Abd al-Qayyūm Bin „Abd al-Ghafūr (2001), *op.cit.,* h. 113.
71 Surah *al-Nisā'* 12.
72 Abd al-Qayyūm Bin „Abd al-Ghafūr (2001), *op.cit.*, h. 114.



University of Malaya

## 2.9 Kesimpulan

Kesimpulannya, daripada apa yang dikemukakan oleh penulis di dalam bab ini dapat memberi gambaran yang jelas kepada bab yang seterusnya dan dapat memudahkan pemahaman tentang ilmu qira‟at terutama dari sudut sejarahnya. Dengan kata lain, asas kepada ilmu qira‟at terhimpun di dalam bab ini.

University of Malaya

# BAB III

# PENGENALAN IMAM NĀFI' DAN 'ĀṢĪM BERSERTA MANHAJ

## 3.1 Pendahuluan

Dari segi urutan bacaan dalam susunan pengajian ilmu qira‟at, bacaan Qira‟at Nāfi„ adalah qira‟at yang pertama dalam tertib qira‟at tujuh yang mutawatir. Rangkaian sanadnya adalah *mutawatir* yang terdapat pada setiap peringkat.[73] Ia merupakan ikutan bacaan oleh kebanyakan masyarakat Islam di beberapa buah negara Arab seperti Libya, Sudan, Syria, Jordan, Algeria dan beberapa bahagian tempat di Mesir. Qira‟at ini adalah yang kedua termasyhur selepas *Riwayat Ḥafṣ „an „Āṣim*. Kemasyhuran ini dapat dilihat pada bilangan cetakan mushaf yang dicetak dalam *Riwayat Qālūn* dan *Riwayat Warsh* lebih banyak berbanding dengan qira‟at lain.

Haji Abdullah al-Qari menyatakan bahawa "bacaan mengikut Qira‟at Nāfi„ sudah mula diperkenalkan di Malaysia terutama sekali di Kelantan sejak tahun 50-an lagi."[74] Malah pada hari ini dengan ramainya para *huffaz* yang kembali ke tanah air, perkembangan bacaan qira‟at ini sudah tidak asing lagi.

---

[73] „Abd al-Fattāḥ al-Qāḍī (1998), *Tārikh al-Qurrā" al-„Asyarah wa Ruwātuhum wa Tawātur Qira"ātihim wa Manhaj Kullin fī al-Qira"āh*. Kaherah: Maktabah al-Qahirah, h. 9.
[74] Temubual penulis dengan Hj. „Abdullah al-Qari bin Hj. Salleh pada 1 April 2003.

## 3.2 Biodata Imam Nāfi‘

Nama penuh beliau ialah Nāfi„ Ibn „Abd al-Raḥmān Ibn Abī Nu„aym.[75] Beliau dilahirkan pada 70 H mengikut pendapat yang sahih.[76] Beliau juga dikenali dengan gelaran Abū Ruwaym, Sesetengah pendapat mengatakan bahawa *kunyah*nya ialah Abū al-Ḥasan dan ada yang mengatakan Abū „Abd al-Rahmān. Beliau merupakan seorang pembesar Suku *Ja"wanah* dan dikatakan berasal dari Asfahan. Beliau mempunyai bentuk fizikal yang rendah dan berkulit gelap. Kehidupannya dihiasi dengan pekerti yang mulia, wajah yang tenang dan suka bergurau. Beliau dilahirkan pada tahun 70 Hijrah dan merupakan imam para qari di Madinah pada zamannya. Beliau berkhidmat begitu lama dalam mengajar dan memperdengarkan al-Qur‟an sehingga qira‟at Nāfi„ menjadi bacaan penduduk Madinah. Beliau telah menjadi imam di Masjid Nabi selama 60 tahun.

Beliau ber*talaqqi* dengan lebih tujuh puluh orang tabi‟in. Antara mereka ialah Abū Ja„far, Shaybah Ibn Nasah, Muslim Ibn Jundub, „Abd al-Rahmān bin Hurmuz al-A„raj dan ramai lagi. Ada riwayat yang mengatakan bahawa apabila beliau bercakap, mulutnya berbau kasturi. Apabila ditanya adakah beliau memakai wangi-wangian sebelum mengajar al-Qur‟an, beliau menafikan dan menjawab bahawa beliau pernah bermimpi Rasulullah membaca sesuatu ke dalam mulutnya. Selepas daripada itu, beliau merasakan mulutnya berbau harum.

Beliau juga merupakan salah seorang pimpinan masyarakat di Madinah dan ramai penduduk Madinah yang berguru dengannya. Antara murid beliau ialah Imam Mālik Ibn Anas

University of Malaya

---

[75] „Abd al-Fattaḥ al-Qāḍī (1988), *op. cit.*, h. 9-10.
[76] „Abd al-Qayyūm Bin „Abd al-Ghafūr (2001), *op.ciṭ.,* h. 213.

dan al-Layth Ibn Sa„ad.[77] Perawi bacaan beliau yang masyhur ialah „Īsā Ibn Minā Ibn Wardan (Qālūn) dan „Uthmān Ibn Sa„īd Ibn „Abd Allāh (*Warsh*). Beliau meninggal dunia pada tahun 169 Hijrah ketika berusia 99 tahun. Semasa beliau hampir meninggal dunia, anak-anaknya meminta beliau berwasiat. Lantas beliau membaca surah *Al-Anfāl* ayat pertama bermula dengan "*fattaqu Allāh*" hingga perkataan *"mu"minīn*". Antara keistimewaan Imam Nāfi„[78] ialah beliau menjawat jawatan imam dan bersolat di Masjid Nabawi selama lebih enam puluh tahun. Selain itu, beliau juga mengajar al-Qur"an dan qira"at lebih tujuh puluh tahun.

### 3.3 Biodata Imam Qālūn

Nama beliau ialah „Īsā ibn Minā atau Minā" ibn Wardan ibn „Īsā bin „Abd al-Samad „Umar ibn „Abd Allāh al-Zarqī.[79] Beliau merupakan pemimpin Bani Zahrah dan dikenali dengan gelaran Abū Mūsā (*Kuniyyah*) atau juga digelar Qālūn (*laqab*),[80] Selain itu, beliau menjadi qari di Madinah dan merupakan anak tiri kepada Imam Nāfī" dan setiap masa mendampingi Imam Nāfī".

Beliau dikatakan berasal dari Rom. Moyangnya merupakan tawanan Rom semasa pemerintahan „Umar al-Khaṭṭāb. Tokoh ini dilahirkan pada tahun 120 H pada zaman pemerintahan Hisyām Bin Abd al-Mālik dan meninggal dunia pada tahun 220 H pada zaman Khalifah al-Ma"mun.[81] Gelaran Qālūn (yang bermaksud bagus) disebabkan oleh keelokan suara

---

[77] *Ibid.,* h. 215.
[78] „Abd al-Fattāḥ al-Qāḍī (1984), *op.cit.*, h. 8.
[79] Dr. Muḥammad Sālim Muhaysin (1997), *op.cit.,* h. 10.
[80] Perkataan Qālūn adalah daripada perkataan Rom yang bermaksud „bagus." Gelaran ini diberikan oleh gurunya Nāfi„.
[81] Dr. Muḥammad Sālim Muhaysin (1997), *op.cit.*

dan bacaannya ketika membaca al-Qur‟‟an. Beliau juga fasih berbahasa Rom kerana moyangnya merupakan tahanan Rom semasa zaman Khalifah „Umar Ibn al-Khaṭṭāb.

Mula ber*talaqqi* dengan Imam Nāfi„ pada usia yang agak tua, iaitu pada usia 30 tahun. Beliau tekun ber*talaqqi* dengan Imam Nāfi„ selama 20 tahun. Pernah berguru dengan „Īsā Ibn Wardan, mempunyai puluhan anak murid dan yang terkenal ialah Imam al-Jazarī. Di antara keistimewaannya ialah beliau merupakan seorang yang pekak, hinggakan jika ditiup trompet ke telinganya, beliau tidak akan mendengarinya.[82] Tetapi jika sesiapa yang membaca al-Qur‟‟an di sebelahnya, beliau mendengarinya dan mampu untuk memperbetulkannya. Beliau mengesan kesalahan muridnya dengan membaca gerak bibir. Mengenai bilakah beliau menjadi pekak, terdapat riwayat yang mengatakan bahawa beliau menjadi pekak semasa sudah tua iaitu selepas beliau belajar ilmu qira‟‟at.

Beliau sempat khatam bacaannya dengan Nāfi„ beberapa kali dan dikatakan bahawa beliau adalah anak tiri Nāfi„. Beliau hidup selama 100 tahun dan sempat menggantikan tempat gurunya, Nāfi„. Antara muridnya ialah dua orang anaknya, iaitu Aḥmad dan Ibrāhim, di samping Aḥmad Ibn Yazīd al-Ḥulwanī, Abū Nasyīd Muḥammad Ibn Hārūn dan Aḥmad Ibn Ṣāliḥ al-Miṣrī. Akhirnya beliau menghembuskan nafas terakhir pada tahun 220 H.[83]

---

[82] „Abd al-Fattāḥ al-Qāḍī (1984), *op.cit.,* h. 10.

[83] Muhammad bin Aḥmad bin „Uthmān al-Dhahabī (1988), *Ma'rifah al-Qurrā" al-Kibār 'Alā al-Ṭabaqāt wa al-A'sar*. Beirut : Mu‟assasah al-Risalah, c. 2, j. 1, h. 155-156.



University of Malaya

### 3.3.1 Manhaj Imam Qālūn

Berikut adalah keterangan mengenai manhaj bacaan Imam Qālūn. Manhaj ini perlu dipatuhi bagi mereka yang cuba membaca mengikut qira‟at.

#### i. Bab *Isti'ādhah* Dan *Basmalah*

Bentuk lafaz *isti„ādhah* yang paling biasa digunakan ialah أعوذ بالله من الشيطان الرجيم.

Lafaz ini ialah lafaz yang paling hampir dengan ayat al-Qur‟an dalam Surah *al-Naḥl* ayat 98.[84]

فَإِذَا قَرَأْتَ ٱلْقُرْءَانَ فَٱسْتَعِذْ بِٱللَّهِ مِنَ ٱلشَّيْطَٰنِ ٱلرَّجِيمِ ﴿٩٨﴾

Hukum *isti„ādhah* adalah sunat di sisi jumhur ulama dan sebahagian daripada mereka mengatakan ia wajib. Sedangkan ijmak ulama mengatakan ia dibaca sebelum memulakan bacaan al-Qur‟an dan ia bukannya daripada al-Qur‟an.[85]

Adapun bentuk lafaz *basmalah* ialah بِسْمِ ٱللهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ Menurut Qālūn, hukumnya wajib dibaca apabila memulakan bacaan pada awal surah kecuali bagi Surah *al-*

---

[84] Sayyid Lāshin Abū Farḥ dan Khālid Muḥammad Ḥāfiẓ (1998), *Taqrīb al-Ma'ānī fi Sharh Hirz al-Amānī fī al-Qira'āt al-Saba'*, c.2. Madinah : Maktabah Dar al-Zaman, h. 39.

[85] „Abd al-Fattāḥ „Abd al-Ghani al-Qāḍī (1992), *Al-Wāfī fī Syarh al-Syatibiyyah fī al-Qira'āt al-Sab„*. Madinah : Maktabah al-Dar, c. 4, h. 40 – 44.



University of Malaya

*Tawbah*. Hukumnya adalah harus apabila memulakan bacaan di tengah-tengah surah.[86] Begitu juga keadaannya bagi Surah *al-Tawbah*.

*Basmalah* tidak dikira sebagai awal ayat daripada Surah al-Fatihah atau awal ayat surah-surah lain mengikut *al-„Adad al-Madanī al-Akhīr*.[87] Pendapat ini merupakan pendapat yang muktamad di dalam *Qira"at Nāfi„*. Tiada sebarang khilaf bahawa *basmalah* adalah sebahagian daripada ayat di dalam Surah *al-Naml* ayat 30.

Bagi *Riwayat Qālūn*, *basmalah* wajib dibaca antara dua surah yang ingin disambung bacaannya sama ada antara Surah *al-Nās* atau *al-Fātiḥah*, atau surah yang sama diulang-ulang atau dengan surah sebelumnya[88]. Ia terdapat dalam tiga bentuk bacaan, iaitu:[89]

1. Kesemua akhir surah, *basmalah* dan awal surah berikutnya dibaca secara berasingan. (*Qaṭ„ al-Jāmi„*)
2. Kesemua akhir surah, *basmalah* dan awal surah berikutnya dibaca secara bersambung. (*Waṣl al-Jāmi„*)
3. Memberhentikan bacaan di akhir surah dan menyambung bacaan *basmalah* dengan awal surah berikutnya. (*Qaṭ„ Akhīr al-Sūrah al-Sābiqah „an al-Basmalah wa Waṣl al-Basmalah bi Awwāl al-Sūrah al-Tāliyah*). Adapun bentuk bacaan ini dikecualikan pada Surah *al-Tawbah.*[90]

---

[86] *Ibid*., h. 49.
[87] Bilangan ayat-ayat al-Qur"an yang bersumber daripada Abū Ja„far bin Yazīd al-Qa„qa„ dan Syaybah bin Nisah. Lihat Muḥammad „Abd al-„Aẓīm al-Zarqani (1996), *Manahil al-„Irfan fī „Ulūm al-Qur"ān.* Beirut : Dar al-Kutub al-„Arabiyy, j. 1, c. 2, h. 278.
[88] 'Abd al-Fattāḥ al-Qāḍī (1959), *op.cit*., h.11.
[89] Sayyid Lāshin dan Khālid bin Muḥammad (2000), *op.cit*., h. 39.
[90] *Ibid*.

**ii. Surah al-Fatihah**

1. Membuang huruf *alif* pada kalimah مَالِكِ يَوْمِ الدِّينِ di dalam Surah al-Fatihah.[91]
2. Terdapat dua wajah *Ṣilah Mīm Jama'* ketika *wasal* iaitu *sukūn* dan membariskan huruf *mīm* dengan baris hadapan. Contoh bacaan *sukūn*: عَلَيْهِمْ, dan contoh huruf *mīm* baris hadapan: عَلَيْهِموا

   Jika selepas *mīm jama,,* terdapat *ḥamzah qaṭa'*, Qālūn membaca dengan *ṣilah* 2 dan 4 harakat. Contohnya ayat ke 6 surah al-Baqarah : عَلَيْهِم ءَأَنْذَرْتَهُمْ dibaca عَلَيْهِمو ءَأَنْذَرْتَهُموا

**iii. Bab *Mad* dan *Qaṣr*** [92]

Qālūn membaca *mad munfaṣil* dengan dua *wajah,* sama ada *qaṣr* atau *tawassuṭ.* Wajah *qasr* adalah yang paling *masyhur* dan yang perlu didahulukan semasa membaca.[93] Contohnya ayat ke 4 di dalam surah al-Baqarah وَمَا أُنزِلَ

---

[91] Sayyid Lāshin Abū Farh dan Khālid Muḥammad Ḥāfiẓ (1998), *Taqrīb al-Ma'ānī fī Sharh Ḥirz al-Amānī fī al-Qira'āt al-Saba',* c.2. Madinah: Maktabah Dar al-Zaman, h. 42.
[92] *Ibid.,* h. 67.
[93] Muḥammad 'Abd Dayim Khumayṣ (1996), *op.cit.*, h.101 – 102.



University of Malaya

*Mad muttaṣil* pula dibaca dengan *tawassuṭ* iaitu empat harakat. Contoh: (يَشَآء). Beliau membaca dengan *qaṣr* pada *mad badal,* contohnyav(ءَامَنُوا) dan dua huruf *līn mahmūz,* contohnya (شَيۡءٍ) semasa sambung. Pada *mad lāzim,* (ٱلضَّآلِّينَ) dibaca dengan *isyba„.* Manakala pada *mad „āriḍ li al-Sukūn,* (نَسۡتَعِينُ) ada tiga *wajah* iaitu *isyba„, tawassuṭ* atau *qaṣr.*

Pada kalimah *ana* (أَنَاْ) yang berada sebelum *ḥamzah qaṭ„,* Qālūn membacanya berdasarkan keadaan-keadaan berikut:

1. *Ḥamzah qaṭ'* yang berbaris di atas atau di depan: dibaca dengan *ithbāt* (ada *alif*). Contoh : أَنَا أَخُوكَ.

2. *Ḥamzah qaṭ'* yang berbaris di bawah diberi dua pilihan bacaan iaitu *ithbāt* atau *ḥadhf,* tetapi *ithbāt* adalah didahulukan. Contoh : إِنۡ أَنَاْ إِلاَّ



University of Malaya

Sebagai kesimpulannya, hukum *mad munfaṣil* pada perkataan *ana* dan *ḥamzah qaṭ",* selepasnya boleh dibaca dengan *qaṣr* atau *tawassuṭ.* Qālūn meng*hadhaf*kan *alif* pada keadaan lain selain yang disebutkan. Beliau membaca 2 dan 4 harakat pada *Mad Munfaṣil* dan 4 harakat pada *Mad Muttaṣil*.

### iv. Bab Dua *Ḥamzah* Dalam Satu Kalimah

Apabila bertemu dua *ḥamzah qaṭ„* yang berbaris dalam satu kalimah, *ḥamzah* yang pertama berbaris atas (*fatḥah*) manakala *ḥamzah* yang kedua sama ada berbaris atas (*fatḥah*), depan (*ḍammah*) atau bawah (*kasrah*). Qālūn membacanya dengan menambah *alīf* selepas *ḥamzah* yang pertama dan men*tashīl*kan *ḥamzah* yang kedua.[94]

Kaedah *idkhāl alif* dikecualikan pada kalimah-kalimah berikut;

1. ءَامَنتُم بِهِۦ dalam Surah *al-A„rāf* : 123, Taha : 71 dan *al-Syu„arā"*: 49.

2. وَقَالُوٓا ءَأَٰلِهَتُنَا dalam Surah *al-Zukhrūf*: 58.

3. أَئِمَّةَ (*A"immah)*: semua tempat di dalam al-Qur"an.

[94] Sayyid Lāshin Abū Farḥ dan Khālid Muḥammad Ḥāfiẓ (1998), *op.cit.,* h. 74.



University of Malaya

4. أَرَءَيْتَ (*Ara"ayta*) dan semua perkataan yang sama dengannya walaupun berbeza

*ḍamīr*, di semua tempat di dalam al-Qur"an.

5. أَشَهِدُواخَلْقَهُمْ , dalam Surah *al-Zukhrūf*: 19, boleh dibaca dengan dua *wajah* sama

ada *idkhāl alif* (didahulukan) atau tidak *idkhāl*. Kedua-duanya dibaca dengan *tashīl* pada *ḥamzah* kedua.

Sekiranya dalam satu ayat terdapat dua kalimah yang ada dua *ḥamzah* dalam setiap kalimah, maka hukumnya mesti dibaca dengan membuang *ḥamzah istifhām* pada kalimah yang kedua sahaja serta *idkhāl alif* dan *tashīl ḥamzah* kedua pada kedua-dua kalimah seperti:

وَقَالَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوٓاْ أَءِذَا كُنَّا تُرَٰبًا

Namun begitu, ada dua pengecualian iaitu yang pertama di dalam Surah *al-Naml*, ayat 67 dan yang kedua di dalam Surah *al-„Ankabūt*, ayat 28 yang mana hukumnya hanya berbeza dari segi *ḥadhf ḥamzah istifhām* pada kalimah yang pertama sahaja. Bentuk ayat seperti ini kesemuanya ada sebelas tempat di dalam al-Qur"an iaitu :

1. *Al-Ra„d* 5
2. Dua tempat dalam surah *al-Isrā'*: 49 dan 98
3. *Al-Mu"minūn*: 82
4. *Al-Naml*: 67
5. Dua tempat dalam surah *al-„Ankabūt*: 28 dan 29

6. *Al-Sajdah*: 10
7. *Al-Ṣāffāt*: 16
8. *Al-Wāqi„ah* 47 dan
9. *Dua tempat dalam surah al-Nāzi„āt*: 10 dan 11.

Apabila dua *ḥamzah* bertemu pada satu kalimah dan *ḥamzah* yang kedua berbaris mati, maka ia wajib ditukar kepada huruf *mad* yang sama dengan baris *ḥamzah* yang pertama, sama ada *ḥamzah* yang pertama itu *ḥamzah qaṭ„* ataupun *ḥamzah waṣl* yang dimulakan bacaan dengannya. Contohnya: إءْمَـنًا (*I"mānan*) menjadi إِيمَـنًا (*īmānan*) dan ٱئْتُونِى (*i"tuni*) menjadi

اِيتُونِي (*ītuni*). *Mad* jenis ini dinamakan *mad badal.*

Terdapat juga *ḥamzah istifhām* dimasukkan pada awal kalimah yang dimulakan dengan *ḥamzah waṣl*. Ia berlaku pada tiga *ism* dan tujuh *fi„l*. Tiga *ism* tersebut ialah:

1. ءآللہ (*Āllah*) : Surah *Yūnus*: 59 dan *al-Naml*: 59,

2. ءآلْـَٔـٰنَ (*Āl"ān*) : Surah *Yūnus*: 51 dan 91,

3. ءآلذَّكَرَيْنِ (*Ādhdhakarayn*) : Surah *al-An„ām* : 143 dan 144.



University of Malaya

Manakala pada tiga *ism* seperti yang dinyatakan di atas hukumnya boleh dibaca dengan dua *wajah*. Pertama: *Ibdāl ḥamzah waṣl* kepada *alīf* dengan *isybā,,* pada perkataan ءآلله (*Allāh*) dan ءآلذَّكَرَيْنِ (*Ādhdhakarayn*). Perkataan ءآلْـَٰٔنَ (*Āl'ā* )pula dibaca dengan *naql* pada *lām* dan *ḥamzah* sebelumnya boleh dibaca sama ada dengan *mad* atau *qaṣr*. Hukum *ibdāl* adalah didahulukan. *Wajah* kedua pula ialah *tashīl ḥamzah* yang kedua dan tidak boleh di*idkhāl*kan *alīf* antara dua *ḥamzah*.

Pada *fi,,l* hukumnya adalah di*ḥadhaf*kan *ḥamzah waṣl* dan dibaca dengan satu *ḥamzah* iaitu *ḥamzah istifhām*. Semua *fi,,l* tersebut ialah:

1. قُلْ أَتَّخَذْتُمْ Surah *al-Baqarah*: 80,

2. أَطَّلَعَ ٱلْغَيْبَ أَمِ ٱتَّخَذَ عِندَ ٱلرَّحْمَٰنِ عَهْدًا *Surah Maryam*: 78,

3. أَفْتَرَىٰ عَلَى ٱللَّهِ كَذِبًا Surah *Saba'*: 8,

4. أَصْطَفَى ٱلْبَنَاتِ عَلَى ٱلْبَنِينَ Surah *al-Ṣāffāt*: 153,

5. أَتَّخَذْنَٰهُمْ (*Attakhadhnahum)*: Surah *Ṣād*: 163,

University of Malaya

6. أَسۡتَكۡبَرۡتَ أَمۡ كُنتَ مِنَ ٱلۡعَالِينَ : Surah *Ṣād*: 75, dan

7. أَسۡتَغۡفَرۡتَ لَهُمۡ Surah *al-Munāfiqūn*: 6.

Jika terdapat pada satu kalimah yang mempunyai dua *ḥamzah qaṭa'*, Qālūn akan membaca *tashīl ḥamzah* ke dua dan *idkhāl ḥamzah* pertama, sama ada *ḥamzah* itu berbaris atas, bawah atau hadapan. Contohnya: ءَأَنْذَرْتَهُمْ, أَئِذَ, أَؤُنَبِّئُكُمْ

### v. Bab Dua *Ḥamzah* Dalam Dua Kalimah[95]

Dalam manhaj bacaan Qālūn, apabila dua *ḥamzah* bertemu dalam dua kalimah, maka cara bacaannya adalah seperti berikut;

1. Apabila bertemu dua *ḥamzah qaṭa,,* yang sama baris dalam dua kalimah, Qālūn akan membaca dengan dua cara. Menurut cara pertama, jika berbaris atas, *ḥamzah* yang pertama akan digugurkan. Sebagai contohnya: جَآءَ أَحَدٌ. Keterangannya: *ḥamzah* pertama dan kedua berbaris *fatḥah*. Kedua, jika berbaris depan dan bawah, Qālūn akan men*tashil*kan *ḥamzah qaṭa'* pertama. Contoh *ḥamzah* pertama

[95] *Ibid.,* h. 80.

dan kedua berbaris bawah ialah : هَٰٓؤُلَآءِ إِن كُنتُم sementara contoh *ḥamzah*

pertama dan kedua berbaris *ḍammah* ialah: يَشَآءُ أُوْلَٰٓئِكَ

2. Apabila bertemu *ḥamzah qaṭ,,* di dalam dua kalimah yang berbeza barisnya, maka Qālūn akan membaca dengan lima cara. Cara pertama ialah jika *ḥamzah* pertama berbaris atas dan *ḥamzah* kedua berbaris bawah, Qālūn akan membaca dengan *tashīl ḥamzah* yang kedua.

Contohnya : تَفِيٓءَ إِلَىٰ . Kedua, jika *ḥamzah* pertama berbaris di atas dan *ḥamzah*

kedua berbaris hadapan, Qālūn akan membaca *tashīl ḥamzah* kedua. Contohnya :

جَآءَ أُمَّةً Manakala cara ketiga pula ialah jika *ḥamzah* pertama berbaris hadapan

dan *ḥamzah* kedua berbaris di atas, Qālūn akan membaca dengan *ibdāl ḥamzah*

kedua dengan huruf *waw*. Contohnya : ٱلسُّفَهَآءُ أَلَآ

3. Jika huruf *ḥamzah* pertama berbaris bawah dan *ḥamzah* kedua berbaris atas, Qālūn akan membaca dengan *ibdā*l *ḥamzah* ke dua dengan huruf *yā'*. Contohnya :

مِّنَ ٱلسَّمَآءِ أَوِ ٱئْتِنَا. *Ḥamzah* pertama berbaris *kasrah*, sementara *ḥamzah* kedua

berbaris *fatḥah.*



University of Malaya

4. Jika *ḥamzah* pertama berbaris hadapan dan *ḥamzah* kedua pula berbaris di bawah seperti : يَشَآءُ إِلَىٰ Qālūn akan membaca dengan dua *wajah*. *Wajah* pertama adalah dengan men*tashil*kan *ḥamzah* kedua dan *wajah* kedua pula adalah dengan meng*ibdāl*kan *ḥamzah* kedua dengan huruf *waw*.

**vi. Bab *Idghām*** [96]

Qālūn membaca dengan *idghām* pada tempat-tempat berikut: [97]

1. *Dhāl* mati yang berada sebelum *tā'*: di*idghām*kan *dhāl* ke dalam *tā'* dengan dibaca *tā' tashdīd*. Contoh : أَخَذتُ (*Akhattu).*

2. *Bā'* yang berada sebelum *mīm* dalam Surah *al-Baqarah*, ayat 284 sahaja, iaitu: وَيُعَذِّب مَن يَشَآءُ. Cara bacaannya ialah dengan mematikan baris *bā'*, kemudian meng*idghām*kannya ke dalam huruf *mīm* lalu dibaca dengan *mīm tasydīd*. Manakala dalam Surah *Hūd*, ayat 42 iaitu: يَـٰبُنَىَّ ٱرۡكَب مَّعَنَا.

Cara bacaannya ialah dengan dua *wajah* iaitu:

---

96 *Ibid.,* h. 122.
97 'Abd al-Fattāḥ al-Qāḍī (1959), *op.cit*., h. 56-57. Lihat juga 'Alī Muḥammad al-Dabba' (t.t.), *op.cit*., h. 9.



University of Malaya

i. *Idghām* (didahulukan),

ii. *Iẓhār*. Sementara pada tempat-tempat lain pula tidak berubah.

3. *Thā*" di*idghām*kan pada *dhāl* seperti dalam ayat 176, surah *al-„Araf*

يَلۡهَث ذَّٰلِك Qālūn membacanya dengan dua *wajah* iaitu:

i. *Idghām* (didahulukan).

ii. *Iẓhār*.

4. Meng*idgham*kan huruf *dhāl* ke dalam *tā*" pada kalimah: أَخَذتُ dalam semua kalimah di dalam al-Qu"ran.

**vii. Bab *Fatḥah* dan *Imālah***

Pada kalimah ٱلتَّوۡرَىٰة di dalam al-Qu"ran, ia dibaca dengan *taqlīl* dan *fatḥah*. Hanya pada ayat هَار di dalam Surah *al-Tawbah* sahaja dibaca dengan *taqlīl*.[98]

[98] Sayyid Lāshin Abū Farḥ dan Khālid Muḥammad Ḥāfiẓ (1998), *op.cit.*, h. 213.



University of Malaya

**viii. Bab *Ya' Iḍāfah*[99]**

*Yā" iḍafah* akan dibaris atas jika bertemu dengan *ḥamzah qaṭa"*. Berikut merupakan keadaannya-keadaannya, iaitu:

1. Jika *ḥamzah* berbaris atas seperti contoh: إِنِّيَ أَعۡلَمُ

2. *Ḥamzah* berbaris bawah: بَنَاتِيَ إِن كُنتُمۡ

3. *Ḥamzah* berbaris hadapan: وَإِنِّيَ أُعِيذُهَا

4. Jika selepas *yā" iḍafah adāt al-ta„rīf* terutama pada kalimah ٱلنَّبِي, Qālūn akan menambah huruf *ḥamzah* dan dibaca dengan empat harakat.[100]

5. Men*sukun*kan huruf *hā"* pada kalimah هُو dan هِى, apabila kalimah tersebut didahului huruf *wau*, *lām* dan *fā"*.[101]

---

[99] *Ibid.*, h. 165.
[100] *Ibid.*, h. 188 & 122.
[101] *Ibid.*, h. 185.



University of Malaya

### ix. *Al-Ḥamz al-Mufrad*

*Ḥamzah* adalah satu huruf *hijaiyyah* yang *makhraj*nya berada di dalam tekak pada bahagian yang paling dalam.[102] Untuk meringankan sebutannya adalah dengan menukarkannya kepada huruf lain (*ibdāl*) atau membuangnya (*hadhaf*) atau dibaca secara *tashīl* atau *naql*. Qālūn sendiri membaca dengan *ibdal, hadhaf*, *tashil* dan *naql* pada tempat-tempat tertentu. Selain itu, beliau juga ada membaca dengan *ḥamzah* pada tempat yang tidak dibaca dengan *ḥamzah* oleh imam-imam yang lain.

#### A. *Ibdāl*

Qālūn menukarkan huruf *ḥamzah* kepada huruf *mad* pada perkataan-perkataan berikut [103]:

1. وَرِءْيًا (*Ri"ya*): Surah Maryam ayat 74. Ditukarkan *ḥamzah* kepada huruf *yā"* berbaris mati. Dengan ini terdapat dua *yā"*, iaitu yang pertama, *yā"* mati di*idghām*kan ke dalam *yā"* yang kedua, menjadikannya *yā"* bersabdu berbaris di atas. Bacaannya menjadi رِيًّا (*riyya*).

[102] Muḥammad „Iṣām Mufliḥ al-Quḍah (1995), *op. cit*., h. 27. Lihat juga „Abdullah al-Qari bin Hj. Salleh (1992), *Kursus Qari dan Qari"ah*. Kota Bharu : Pustaka Aman Press, c. 19, h. 39.
[103] 'Abd al-Fattāḥ al-Qāḍī (1959), *op.cit.,* h. 46-48.



University of Malaya

2. يَأْجُوج وَمَأْجُوجَ (*Ya"jūj wa ma"jūj*): Surah *al-Kahf* ayat 94 dan *al-Anbiyā"* ayat 96. Ditukarkan *ḥamzah* kepada *alif* menjadi يَاجُوج وَمَاجُوجَ (*Yājūj wa mājuj*)

3. مِنسَأَتَه (*Minsa,,atah*): Surah *Saba"* ayat 14. Ditukar *ḥamzah* yang berbaris di atas kepada *alif* menjadi مِنسَا تَه (*minsātah)*

4. مُّؤْصَدَةٌ *(Mu"ṣadah)*: Surah *al-Balad* ayat 20 dan *al-Ḥumazah* ayat 8. Ditukarkan *ḥamzah* mati kepada *waw* menjadi مُّوصَدَةٌ *(mūṣadah)*

5. سَأَل (*Sa"ala)*: Surah *al-Ma,,ārij* ayat 1. Ditukarkan *ḥamzah* berbaris di atas kepada *alif* menjadi سَال (*sāla)*.

6. لِأَهَبَ (*Li"ahaba*): Surah Maryam ayat 19. Qālūn membacanya dengan dua *wajah*, iaitu:

University of Malaya

i. لِأَهَبَ (*Li"ahaba*): dengan *ḥamzah* berbaris di atas (didahulukan)

ii. لِأَيَهَبَ (*Liyahaba)*: dengan menukarkan *ḥamzah* kepada *yā"* berbaris di atas.

B. ***Hadhaf***

Qālūn meng*hadhaf*kan *ḥamzah* pada perkataan-perkataan berikut:

1. وَٱلصَّـٰبِـِٔينَ (*al-Ṣābi"īn )*: Surah *al-Baqarah* ayat 62 dan Surah *al-Hajj* ayat 17. Ia dibaca dengan وَٱلصَّـٰبِينَ (*al-Ṣabīn)*. Manakala dalam Surah *al-Mā"idah* ayat 69, ia dibaca dengan وَٱلصَّـٰبُونَ (*al-Ṣābūn)*.

2. يُضَـٰهِـُٔونَ (*Yuḍahi'un )*: Surah *al-Tawbah* ayat 30. Ia dibaca dengan يُضَـٰهُونَ (*yuḍāhūn)*.

University of Malaya

3. دَكَّآءَ (*Dakka)*: Surah *al-Kahf* ayat 98. Ia dibaca dengan دَكًّا (*dakkan)*.

4. شُرَكَآءَ (*Syurakā')*: Surah *al-A,,rāf* ayat 190. Ia dibaca dengan شِرْكًا (*syirkan*.)

5. أَصْحَٰبُ لْـَٔيْكَةِ (*Al-Aykah)*: Surah *Al-Syu,,arā"* ayat 176 dan Surah *Ṣāḍ* ayat 13 sahaja. Ia dibaca dengan لَيْكَةَ (*laykata)*, *lām* berbaris di atas kemudian *yā"* mati dan *tā"* berbaris di atas.

C. ***Tashīl***

Qālūn men*tashīl*kan *ḥamzah* pada perkataan هَٰٓأَنتُمْ (*hā antum)* di semua tempat di dalam al-Qu""rān. Dibaca dengan *ithbāt alīf* selepas *hā"*, kemudian di*tashīl*kan *ḥamzah,* dan *mad* di sini dikira sebagai *mad munfaṣil.*

D. ***Naql***

Qālūn membaca dengan *naql* pada perkataan-perkataan berikut:

1. رِدْءًا (*Rid"an)* dibaca dengan رِدًا (*ridan)*

University of Malaya

2. ءَآلۡـَٔـٰنَ (*Al-Āna)* dibaca dengan ءَلَـٰنَ (*alāna)*

3. عَادًا ٱلۡأُولَىٰ ( *,Adan Al-Ūla)* dibaca dengan عَادًا لُّولَىٰ (*,Ādallu''la)* ketika *waṣal*. Ketika ingin memulakan bacaan dengannya, terdapat tiga *wajah*[104]:

1. ٱلۡأُولَىٰ (*Al-Ūla*) -didahulukan

2. الُّولَىٰ (*Alūla),* dan

3. لُّولَىٰ *( Lū''la)*

**x. *Ḥamz***

Qālūn membaca dengan *ḥamzah* pada perkataan-perkataan yang tidak dibaca dengan *ḥamzah* dalam *riwayat Ḥafs.* Perkataan-perkataan tersebut ialah :

1. ٱلنَّبِيُّ (*al-nabiy)* (menjadi ٱلنَّبِيٓ *al-nabī'*),

[104] 'Alī Muḥammad al-Dabba' (t.t.), *Syarh Risālah Qālūn*. Kaherah: Maktabah wa Matba'ah Muhammad 'Ali Subayh wa Awladuhu, h. 8.



University of Malaya

2. نَبِيًّا (*nabiyyan)* (menjadi نَبِيئًا *nabī''an*)

3. نَبِيُّهُمْ (*nabiyyuhum)* (menjadi نَبِيئُهُم *nabī''uhum*).

Keadaan bacaannya boleh dilihat dalam keadaan berikut:

1. ٱلنَّبِيِّـۧنَ (*al-Nabiyyīn)* (menjadi النَّبِيئِين *al-nabī''n̄*)

2. ٱلنَّبِيُّون ( *al-Nabiyyūn)* (menjadi النَّبِيئُون *al-nabī''ūn*),

3. ٱلۡأَنۢبِيَآءَ (*al-Anbiyā')* (menjadi الأَنْبِئَ *al-anbi'ā'*),

4. ٱلنُّبُوَّةَ (*al-Nubuwwa)* (menjadi النَّبُوئَةُ *al-nubū''ah*).



University of Malaya

## 3.4 Biodata Imam Warsh

Nama sebenar tokoh ini ialah „Uthmān Ibn Sa„id Ibn „Abd Allāh ibn „Amr ibn Sulaymān Ibn Ibrāhim al-Miṣrī. Beliau lebih dikenali dengan gelaran Abū Sa„īd. Gurunya memberikan gelaran Warsh (nama sejenis burung yang hampir menyerupai burung merpati) kerana badannya yang rendah dan beliau gemar memakai pakaian yang singkat pada badan yang pendek dan menampakkan cara berjalan beliau seperti burung Warsh. Terdapat juga pendapat yang menyatakan bahawa *Warsh* bermaksud sejenis masakan yang dibuat daripada susu. Dikatakan bahawa gelaran ini diberikan oleh gurunya, iaitu Imam Nāfī‟‟. Gelaran ini mungkin digunakan kerana kulitnya yang putih hampir menyerupai warna putih susu. [105]

Beliau dilahirkan pada tahun 110 H di perkampungan *Qafṭ*, bahagian Sa„īd, selatan Mesir. Namun tempat asal beliau yang sebenarnya ialah al-Qayrawan. Beliau telah berhijrah ke Madinah untuk menemui Imam Nāfī‟‟ dan sempat khatam al-Qu‟‟ran beberapa kali sekitar tahun 155 H. Pencapaian tertinggi beliau ialah apabila ahli qira‟‟at atau *qurrā‟‟* di Mesir pada zamannya telah mengiktiraf keilmuan beliau dan meletakkannya sebagai seorang qari utama.

Warsh meninggal dunia di Mesir pada zaman pemerintahan Khalifah al-Ma‟‟mun pada tahun 197 H ketika usianya mencapai 83 tahun. Antara ciri-ciri fizikal yang nyata pada diri beliau ialah kulitnya yang terlalu putih, kedua-dua matanya yang biru, fizikal yang rendah dan tidak terlalu gemuk. Sering berjubah singkat hingga apabila beliau berjalan akan nampak kedua-dua kakinya. Memiliki suara yang merdu dan pakar dalam ilmu bahasa Arab.

---

[105] „Abd al-Fattāḥ al-Qāḍī (1984), *op.cit.,* h. 11.



University of Malaya

### 3.4.1 Manhaj Imam Warsh

#### i. Bab *Basmalah*

Membaca *basmalah* dan tanpa *basmalah* (*Saktah dan waṣal*) antara dua surah, kecuali antara *al-Anfāl* dan *al-Tawbah.* [106]

#### ii. Surah *al-Fatihah*

Beliau membuang huruf *alīf* pada kalimah مَالِكِ يَوْمِ الدِّينِ dan membaca *ṣilah mīm jama"* jika selepas *silah mim jama"* terdapat *ḥamzah qaṭa,,*. Contohnya pada عَلَيْهِمو ءَأَنْذَرْتَهُمْ.[107]

#### iii. Bab *Mad* dan *Qaṣr* [108]

1. Pada *Mad Munfaṣil* dan *Muttaṣil* dibaca dengan enam harakat.
2. Pada *Mad Badal* dibaca dengan tiga wajah iaitu dua, empat dan enam harakat.
3. Pada *Mad Līn* yang terletak sebelum huruf *Līn* huruf *ḥamzah*, Warsh akan dibaca dengan empat dan enam harakat.

---

[106] Sayyid Lāshin Abū Farḥ dan Khālid Muḥammad Ḥāfiẓ (1998), *op.cit.,* h. 40.
[107] *Ibid.*, h. 42.
[108] *Ibid.*, h. 67.



University of Malaya

### iv. Bab Dua *Ḥamzah* Satu Kalimah[109]

1. Pada satu kalimah yang mempunyai dua *ḥamzah qaṭa'*, Warsh akan membaca dengan *tashīl ḥamzah* kedua. Sama ada *ḥamzah* itu berbaris atas, bawah atau hadapan. Contoh : أَؤُنَبِّئُكُمْ ,أَئِذَ ,ءَأَنْذَرْتَهُمْ

2. Untuk yang berbaris atas dan huruf yang ketiga berbaris *sukun*, Warsh akan membaca enam harakat pada *ḥamzah qaṭa'*. Ini merupakan *wajah* kedua Warsh. Contohnya: ءَأَنْذَرْتَهُم

3. Jika huruf yang ketiga berbaris bawah, Warsh akan membaca dengan dua harakat. Contohnya : ءَأَلِد (*a-alidu).*

### v. Bab Dua *Ḥamzah* Di Dalam Dua Kalimah[110]

1. Pada dua *ḥamzah* yang berada pada dua kalimah berasingan dan bersamaan baris, Warsh mempunyai dua bacaan, iaitu:

   i. Men*tashil*kan *ḥamzah* kedua, sebagai contoh: يَشَآءُ أُوْلَٓئِك baris *ḍammah*, baris bawah عَلَى ٱلْبِغَآءِ إِن, baris atas جَآءَ أَحَد

[109] *Ibid.*, h. 74.
[110] *Ibid.,* h. 81.

ii. Men*taḥqīq*kan *ḥamzah* pertama dan meng*ibdāl*kan *ḥamzah* kedua dengan enam harakat jika huruf ketiga berbaris *sukūn*. Sebagi contoh جَآءَ أَحَد.

(*Jā-ahadun*.) Jika huruf ketiga berbaris bawah, di*ibdāl*kan dengan dua harakat. Sebagi contoh : يَشَآءُ أُوْلَـٰٓئِك *(yasyaū ulāika)*.

2. Khusus pada kalimah هَـٰٓؤُلَآءِ إِن كُنتُم Warsh mempunyai bacaan yang ketiga

iaitu meng*ibdāl*kan *ḥamzah* kedua huruf *yā'*. *Ḥamzah* pertama dan kedua berbaris bawah.

3. Apabila bertemu dua huruf *ḥamzah* yang berbeza barisnya di dalam dua kalimah, Warsh akan membaca seperti berikut:

i. Jika *ḥamzah* pertama berbaris atas dan *ḥamzah* kedua bebaris bawah, Warsh akan men*tashīl* *ḥamzah* kedua. Contohnya تَفِيءَ إِلَى.

ii. Jika *ḥamzah* pertama berbaris atas dan *ḥamzah* kedua berbaris depan, Warsh akan men*tashīl* *ḥamzah* yang kedua. Contohnya جَآءَ أُمَّة

University of Malaya

Jika *ḥamzah* pertama berbaris hadapan dan *ḥamzah* kedua berbaris atas, Warsh akan meng*ibdal*kan *ḥamzah* kedua dengan huruf *waw*. Sebagai contoh: أَلَآ

ٱلسُّفَهَآء

iii. Jika *ḥamzah* pertama berbaris bawah dan *ḥamzah* kedua berbaris atas, Warsh akan meng*ibdāl*kan *ḥamzah* kedua kepada huruf *yā'*.

Contohnya : مِّن ٱلسَّمَآءأَوٱئْتِنَا

iv. Jika *ḥamzah* pertama berbaris hadapan dan *ḥamzah* kedua berbaris di bawah seperti يَشَآءُ إِلَى Warsh akan membaca dengan dua *wajah*, iaitu: (1) *Tashīl* *ḥamzah* kedua. (2) *Ibdal ḥamzah* kedua dengan huruf *waw*.

**vi. Bab *Ḥamzah Mufrad***

